

BAB VI

MUDĀRABAH DALAM INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA

A. Produk Berasaskan *Mudārabah* Yang Diluluskan Oleh Bank Negara Malaysia.

Berkaitan dengan pemakaian produk kewangan Islam, Bank Negara Malaysia (BNM) sehingga Mei 1999 telah meluluskan 24 jenis produk kewangan Islam untuk digunakan oleh Bank Islam dan bank-bank yang melaksanakan Skim Perbankan Islam(SPI) yang sebelum ini dikenali dengan SPTF.¹ Pada 1 Mei 1997 BNM telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (MPS) untuk perbankan dan takaful. Majlis ini mengandungi sepuluh orang ahli termasuk seorang wakil luar negeri, dari Sudan. Majlis ini bertanggungjawab membuat keputusan mengenai instrumen kewangan yang baru dan beberapa amalan perbankan yang baru.² Antara tugas MPS adalah menjadi rujukan utama bagi isu-isu syari'ah untuk perbankan Islam dan takaful; mempastikan semua aspek operasi perbankan Islam dan takaful Islam bagi institusi yang menawarkan perbankan Islam dan syarikat-syarikat takaful Islam dijalankan mengikut lunas-lunas Islam; mengkaji keabsahan produk kewangan baru yang dikemukakan oleh Bank Islam, institusi perbankan yang menyertai SPI dan syarikat-syarikat takaful.³

¹ Mulai 1 Disember 1998, istilah "Perbankan Tanpa Faedah" digantikan dengan "Skim Perbankan Islam" dan institusi perbankan dikehendaki menggunakan istilah baru ini dalam semua operasi, urusniaga dan koresponden perbankan Islam mereka. Lihat Kementerian Kewangan Malaysia (1999/ 2000), *Laporan Ekonomi*, h. 151.

² BNM (1997) , *Laporan Tahunan* , h. 159.

³ *Ibid*

Setakat ini Lembaga Pengawasan Syariah BIMB dan bank-bank SPI yang lain berjalan seperti biasa. BIMB dan bank-bank SPI dikhendaki menghantar laporan mengenai keputusan mesyuarat Majlis Pengawasan Syariah mereka ke BNM untuk dilihat oleh MPS. Jika terdapat pertentangan dengan pandangan MPS, maka keputusan itu dianggap tidak sah.⁴

Empat daripada produk kewangan yang diluluskan oleh BNM di atas adalah melibatkan konsep *al-mudārabah* untuk langganan individu dan institusi. Produk berkenaan ialah Akaun Pelaburan Am, Akaun Pelaburan Khas, Pembiayaan Projek dan Instrumen Deposit Boleh Niaga Secara Islam (INID).⁵

a. Akaun Pelaburan Am Al-Mudharabah

Akaun pelaburan jenis ini diuruskan di bawah prinsip *al-mudārabah* iaitu dengan berkongsi keuntungan pelaburan. Pelanggan menyimpan wang mereka bagi jangka masa yang tetap dan institusi melaburkan wang berkenaan mengikut landasan syari'ah. Keuntungan yang diperolehi di agih antara pelabur dan institusi mengikut nisbah perkongsian yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Akaun jenis ini boleh dibuka oleh individu, kelab, persatuan, agensi kerajaan dan syarikat perniagaan. Ia boleh dibuat dalam bentuk akaun perseorangan, amanah, bersama, perkongian dan syarikat. Jumlah minimum untuk membuka akaun ialah RM 5,000 untuk tempoh matang selama satu bulan dan RM 500 untuk tempoh matang di antara 3 dan 60 bulan. Tempoh matang yang ditentukan ialah 1, 3, 6, 9, 12, 15, 18, 21, 24, 36, 48 dan 60 bulan. Kadar agihan keuntungan biasanya

⁴ Temubual: Ustaz Bakir bin Haji Mansor, Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad, Tingkat 14, Darul Taqaful, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, pada 22 Julai 1999.

⁵ Rustam Mohd. Idris , Perbankan Islam Di Malaysia, kertas kerja yang di bentang dalam *Kolokium Tahunan Keusahawanan MEDEC Siri Ke 5*, Anjuran ITM 27 April 1994; Nor Muhammed Yakcop, Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam, Utusan Publications &

70% untuk pelanggan dan 30% untuk institusi. Pengeluaran akaun pelaburan sebelum tempoh matang dibenarkan dan kadar keuntungan dibayar bagi jumlah hari yang telah dilaburkan dengan berasaskan kepada kadar keuntungan bagi tempoh matang terdekat yang sudah matang.⁶

b. Akaun Pelaburan Istimewa Al-Mudharabah

Akaun ini adalah suatu akaun pelaburan yang ditawarkan untuk tujuan-tujuan tertentu. Akaun jenis ini boleh disertai oleh individu berusia 18 ke atas dan juga oleh badan-badan perniagaan. Jenis akaun yang disediakan ialah akaun perseorangan, amanah, bersama, perkongsian dan syarikat. Deposit dan pengeluaran untuk akaun jenis ini dibuat sekali sahaja. Jumlah minimum untuk menyertai akaun jenis ini ialah RM 500,000. Nisbah pengagihan keuntungan di antara pelanggan dan bank boleh dirunding. Penentuan nisbah ini banyak bergantung kepada jumlah deposit. Keuntungan yang diperolehi akan dikongsi mengikut nisbah yang telah dipersetujui.⁷

c. Pembiayaan Projek

Mana-mana bank yang berurusniaga secara Islam dan menerima deposit mengikut prinsip *al-wad'ah yad al-damānah* dan *al-mudārabah* boleh menggunakan sebahagian daripada wang tersebut untuk membiayai projek. Bank boleh menggunakan prinsip *al-mudārabah* untuk tujuan tersebut. Dalam membiayainya, bank menjadi pembekal modal dan *mudārib* pengantara yang menyampaikan modal *mudārabah* milik pendeposit. Manakala pelanggan bank yang mengambil dan mengurusniagakan modal itu menjadi *mudārib* pengusaha.

Distributor Sdn Bhd., Kuala Lumpur ,1996, h. 74. INID diluluskan pada 8 Disember 1998. Lihat BNM (1998), *Laporan Tahunan* , h. 187.

⁶ BNM (1996) , *Produk Tabungan Kewangan Di Malaysia*, h. 20

⁷ *Ibid*, h. 21

Keuntungan yang didapati hasil daripada pelaksanaan projek berkenaan dibahagikan antara bank dan pelanggan mengikut kadar yang dipersetujui antara mereka semasa kontrak ditanda tangani. Jika berlaku kerugian, semuanya akan ditanggung oleh bank.⁸ Pembiayaan jenis ini juga boleh dibuat secara ⁸
musyarakah.⁹

d. Instrumen Deposit Boleh Niaga Secara Islam.

Instrumen Deposit Boleh Niaga Secara Islam atau *Islamic Negotiable of Deposits* (INID). Instrumen ini merujuk kepada sejumlah wang deposit dalam institusi perbankan yang boleh dibayar balik kepada pembawa (pedeposit) pada tarikh yang ditentukan mengikut jumlah asal wang deposit berkenaan bersama keuntungan yang telah diistiharkan.¹⁰ Operasi perniagaannya dibuat dengan cara pelanggan membuka simpanan dalam institusi perbankan. Institusi perbankan menerima simpanan (deposit) berkenaan dan mengeluarkan INID kepadanya sebagai keterangan (bukti). Setelah tempoh INID itu matang, pendeposit mengemukakan INID itu kepada institusi perbankan dan menerima kembali wang depositnya bersama keuntungan pada kadar yang telah dipersetujui antaranya dengan institusi perbankan berkenaan. Tempoh matangnya lebih daripada 30 hari dan tidak melebihi 10 tahun. Tidak lebih daripada 12 bulan jika keuntungan dibayar setiap tiga bulan; tidak kurang daripada 12 bulan jika keuntungan dibayar setiap enam bulan sekali. Jumlah simpanan tidak kurang daripada RM 50,000 dan dalam gandaan RM 50,000 sehingga maksimum RM10 juta. Nisbah pembahagian

⁸ Lihat Nor Muhammed (1996) , *op.cit.*, h. 76; BIMB (1995) , *Organisation And Operations*, h. 13

⁹ BIMB, *Ibid.*

¹⁰ Lihat BNM (t.t.) , *Guidelines On Islamic Negotiable Instruments*, h. 1 .

keuntungan ialah pada kadar 80: 20 (80% untuk pelanggan). Ia boleh diperniagakan di pasaran kedua.¹¹

B. *Mudarabah* Antara Institusi Dan Bon Mudharabah Cagamas

Aktiviti-aktiviti pengurusan kewangan secara *mudarabah* yang berlaku antara Bank Islam¹² dan semua institusi kewangan yang terlibat dengan Perbankan Islam dan antara institusi kewangan yang telibat dengan Perbankan Islam sesama mereka. Produk berdasarkan *mudarabah* untuk tujuan ini ialah Pelaburan Antara Bank Secara Islam (IIMM) dan Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Secara Islam (IICCS). Selain daripada *mudarabah* antara bank terdapat juga institusi iaitu Cagamas Berhad¹² yang mengeluarkan Bon Mudharabah Cagamas untuk pembiayaan semula kepada pinjaman perumahan.

a. *Mudarabah* antara institusi

1. Pelaburan Antara Bank

Mekanisme agihan keuntungan secara *mudarabah* juga dilakukan dalam pelaburan antara bank yang juga boleh dinamakan sebagai pasaran wang antara bank secara Islam. BNM melaksanakan operasi pasaran wang secara Islam di bawah Pelaburan Antara Bank Secara Mudharabah (MII) untuk menyediakan mudah tunai dalam pasaran dan mempengaruhi keadaan mudah tunai sistem perbankan. Broker boleh menjalankan fungsi sebagai pengantara untuk memenuhi keperluan unit MII yang mempunyai lebihan dengan unit yang mengalami defisit. Bank yang mengalami defisit juga boleh berhubung secara langsung dengan bank yang mempunyai lebihan wang tanpa melalui broker.

¹¹ BNM (, 2000), *Amendment to Guidelines On Islamic Negotiable Instruments*, h. 3-9

¹² Cagamas Berhad atau Perbadanan Cagaran Nasional ialah sebuah perbadanan yang ditubuhkan pada tahun 1986 bagi mewujudkan satu portfolio pengurusan institusi kewangan yang lebih fleksibel. Peranan utama Cagamas Berhad ialah membeli pinjaman perumahan daripada

Pelaburan antara bank ini boleh berlaku dengan cara bank yang mempunyai lebihan wang melaburkan wangnya dalam bank-bank yang mengalami kekurangan wang.¹³ Ini dibuat atas dasar pembahagian untung, *mudārabah*. Ciri-ciri mekanisme yang berlaku sekarang adalah seperti berikut :¹⁴

- i. Tempoh pelaburan adalah daripada semalam hingga 12 bulan.
- ii. Jumlah pelaburan minimum ialah RM 50,000.
- iii. Nisbah pembahagian untung boleh dirundungkan sesama institusi kewangan yang terlibat.

Pembayaran balik modal pelaburan oleh bank penerima kepada bank pelabur akan dibuat pada akhir tempoh pelaburan beserta dengan jumlah keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan itu. Kadar keuntungan dikira berdasarkan untung kasar yang belum diagihkan bagi bank penerima daripada akaun Pelaburan Am al-Mudharabah bank itu bertempoh setahun.¹⁵ Dalam tahun 1997 perbankan Islam telah mendapatkan pelaburan *mudārabah* daripada pasaran wang secara Islam berjumlah 2.6 bilion.¹⁶ Pembekalan wang sebanyak itu adalah untuk menampung kekurangan modal perbankan Islam disebabkan oleh permintaan terhadap pembiayaan secara Islam meningkat kerana pelanggan-pelangan bank konvensional memindahkan pinjaman mereka ke Bank Islam dan bank-bank SPI disebabkan oleh kenaikan kadar faedah di bank-bank konvesional.¹⁷

pemberi pinjaman (bank, syarikat kewangan atau kerajaan). BNM (1994), *Money and Banking in Malaysia*, Kuala Lumpur :Bank Negara Malaysia , h. 398.

¹³ BNM (1966) , *Laporan Tahunan* , h. 224.

¹⁴ Nor Mohamed (1996) , *op.cit.* , h.58.

¹⁵ Haji Abdul Rashid Abdul Kadir (1998) , "Sistem Kewangan Islam Adalah Lengkap" , dalam *Gemputra*, Kuala Lumpur: Jabatan Perhubungan Awam Bank Bumiputra Malaysia Berhad, h. 28.

¹⁶ BNM(1997) , *Laporan Tahunan* , h. 199.

¹⁷ *Ibid.*

2. Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Secara Islam (IICCS)

Satu sistem penjelasan cek yang telah diwujudkan di Bank Negara untuk Bank Islam Malaysia Berhad dan bank-bank perdagangan yang menawarkan SPI. Cek-cek SPI bagi institusi-institusi tersebut telah diasingkan dari sistem penjelasan cek konvensional mulai ¹⁸ 3 Januari 1994, bagi tujuan penjelasan cek. Sistem Penjelasan Cek Antara Bank ini dibuat berlandaskan konsep *mudarabah*. Pada setiap 12.00 tengah malam, apabila penjelasan cek dilakukan secara automatik di Bank Negara, Bank Islam dan mana-mana bank perdagangan SPI yang mengalami defisit akan discimbangkan oleh bank perdagangan SPI yang mempunyai lebihan berdasarkan konsep *mudarabah*. Sekiranya masih berlaku defisit, Bank Negara akan mengimbangkan kedudukan bank-bank ini atas konsep yang sama iaitu *al-mudarabah*. Nisbah keuntungan dalam mekanisme ini ialah 70:30 (70% untuk pelabur iaitu bank yang menyumbang modal dan 30% untuk bank yang menerima modal).¹⁸ Kadar ini kemudian dinaikkan kepada 95% untuk pelabur dan 5% untuk bank yang menerima modal.¹⁹

b. Bon Mudharabah Cagamas

Bon *Mudarabah* Cagamas dikeluarkan oleh Cagamas Berhad. Bon Mudharabah Cagamas ini melibatkan dua elemen. Elemen pertama ialah pembelian hutang perumahan secara Islam oleh Cagamas daripada institusi-institusi yang memberikan pembiayaan perumahan secara Islam kepada pelanggan-pelanggan dan kakitangan mereka. Elemen kedua ialah pengeluaran bon secara *mudarabah* oleh Cagamas untuk membiayai pembelian ini. Pembelian hutang perumahan secara Islam oleh Cagamas diuruskan atas konsep *baiy al-*

¹⁸ Nor Muhammed(1996) , *op.cit.*, h. 60.

¹⁹ BNM (1996) , *Laporan Tahunan*, h. 224.

dayn oleh Cagamas. Manakala pengeluaran Bon Mudharabah Cagamas dilaksanakan melalui konsep *al-mudārabah*. Di bawah konsep *al-mudārabah*, pemegang bon dan Cagamas akan berkongsi keuntungan dalam nisbah yang telah dipersetujui bersama. Bagi siri bon pertama yang dikeluarkan pada bulan Mac 1994, tempoh matangnya ialah 3 tahun dan nisbah perkongsian keuntungan ialah 90:10, iaitu 90% bagi pemilik bon dan 10% bagi Cagamas Berhad. Kuntungan diagihkan dua kali setahun.

Skim Cagamas ini membolehkan institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan perumahan secara Islam, mendapatkan pembiayaan semula daripada Cagamas Berhad. Dengan adanya pembiayaan semula ini akan membolehkan mereka memberi kemudahan kewangan untuk membeli rumah kepada pelanggan lain.²⁰ Ini bererti Cagamas dan Bank Islam atau bank-bank SPI bekerjasama mempastikan bank-bank berkenaan terus mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi tuntutan pelanggan mereka mendapatkan pembiayaan perumahan secara Islam.

C Institusi Kewangan Yang Memakai Kaedah *Mudārabah*

Antara institusi kewangan, bank dan bukan bank yang melaksanakan sistem kewangan Islam, khususnya yang menggunakan perinsip *al-mudārabah* dalam aktiviti pelaburan mereka yang akan difokuskan dalam kajian ini ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB), Bank Rakyat, Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Perwira Affin Bank (PAB).

1. Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ditubuhkan pada tahun 1983 di

²⁰Nor Mohamed (1996), *op.cit.*, h.88.

bawah Akta Bank Islam Malaysia Berhad, Akta No.276. Kegiatan utama BIMB ialah menjalankan urusniaga bank mengikut perinsip kewangan Islam dan menyediakan perkhidmatan-perkidmatan yang berkaitan, sebagai pilihan untuk masyarakat Malaysia yang inginkan pelaburan mereka bersih daripada unsur-unsur yang tidak bersesuaian dengan kehendak syari'ah. Dalam menjalankan operasinya BIMB mempunyai Badan Pengawasan Syariah sendiri untuk memberi pengesahan terhadap sesuatu instrumen kewangan yang akan ditawarkan oleh BIMB kepada pelanggan dari segi hukum perundangan Islam. Akta Bank Islam 1983 mewajibkan setiap pihak yang ingin melaksanakan perniagaan perbankan secara Islam supaya menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah masing-masing.²¹ Ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah BIMB sekarang ialah Datuk Haji Mohd Hashim Yahya sebagai pengurus. Ahli-ahli lain terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Othman Haji Ishak, Dr. Abdullah Haji Ibrahim, Dr. Sobri Salamon , S.S. Dato' Haji Mohd Khudhairi Haji Dainuri dan Ustaz Mohd. Bakir Haji Mansor sebagai Setiausaha Majlis.²²

1.1 Deposit yang berasaskan *Mudārabah*

BIMB sebagai sebuah institusi kewangan yang melaksanakan pengurusan kewangan Islam dengan menekankan kepada perinsip keadilan dan menghindari riba, maka sumber kewangan yang digunakan untuk perniagaan Bank mestilah serasi dengan kehendak hukum Islam. Antara cara yang dilakukan oleh BIMB untuk memperolehi deposit daripada orang ramai yang tidak melibatkan riba ialah dengan menggunakan kaedah *mudārabah* iaitu dengan berkongsi keuntungan yang diperolehi oleh BIMB dalam perniagaan perbankan yang dilakukannya.

²¹ Akta Bank Islam 1983 (Akta 276), per: 3(5) (b).

²² BIMB Holding (1998), *Laporan Tahunan*, h. 5.

dengan pelanggan mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak. Sumber dana yang diperolehi melalui deposit yang berasaskan kontrak *mudarabah* yang digunakan untuk membiayai aktiviti perniagaan BIMB diperoleh daripada produk-produk kewangan yang diwujudkan oleh BIMB, antaranya sebagaimana berikut.

*

(i) Akaun Simpanan Mudharabah

Akaun Simpanan Mudharabah adalah akaun pelaburan yang diubahsuaikan sebagai akaun simpanan yang diuruskan di bawah prinsip *al-mudarabah*. Pelanggan mendeposit wang ke dalam akaun jenis ini dan pihak BIMB melaburkannya. Jumlah minimum untuk membuka akaun ini ialah RM 100. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan itu akan dikongsi bersama mengikut persetujuan. Jika rugi, kerugian itu ditanggung oleh penyimpan.²³ Keuntungan dikira berdasarkan purata baki harian dan bulanan dan dikreditkan ke dalam akaun pendeposit setiap bulan. Pelanggan yang menggunakan akaun ini juga boleh mengeluarkan simpanan mereka pada bila-bila masa. Di bawah perkhidmatan ini dalam BIMB terdapat tiga jenis Akaun Simpanan Mudharabah:²⁴

- a. Akaun Peribadi. Untuk membuka akaun ini pendeposit mestilah berusia 15 tahun ke atas.
- b. Akaun Individu Bersama. Seseorang pendeposit boleh membuka akaun ini dengan orang lain.

²³ Temubual: Ustaz Abdul Ghani bin Endut, Pegawai Syariah BIMB, Kuala Lumpur, pada 9hb. Julai .1999.

²⁴ BIMB (t.t.), *Risalah Akaun Simpanan Pelaburan Mudharabah* , para 2.

c. Akaun Amanah Bagi Akaun ini dibuka oleh individu untuk kanak-kanak yang berusia di bawah umur 15 tahun.

Sebagai galakan untuk menyimpan dalam akaun jenis ini, pemegang pemegang akaun ini dalam BIMB diberi hak mendapat manfaat “ Pelan Takaful Keluarga Berkelompok²⁵ secara percuma. Pendepsit-pedeposit dalam akaun jenis ini yang meninggal dunia setelah berumur 65 tahun, maka ahli-ahli warisnya berhak mendapat manfaat ini dengan syarat baki simpanan bulanan pendepsit berkenaan tidak kurang daripada RM 500.00 untuk selama enam bulan terakhir berturut-turut. Jumlah manfaat yang akan diperolehi itu bergantung kepada purata baki harian bulanan simpanan itu.²⁵

(ii) Akaun Simpanan Untuk Remaja dan Kanak-kanak.

Akaun simpanan untuk remaja dinamakan “Akaun Simpanan Ijraa”. Akaun jenis ini dibuka kepada anak-anak remaja yang berumur antara 13 hingga 18 tahun. Simpanan jenis ini adalah untuk menggalakkan remaja menabung dan mendorong mereka bergiat dalam aktiviti perbankan. Penyimpan dalam tabung ini adalah dianggap pemilik modal *mudārabah* dan dengan sedirinya menjadi ahli Kelab Ijraa dan mendapat perlindungan daripada pelan Takaful Keluarga Berkelompok secara percuma atas kematian pemegang akaun. Setiap ahli kelab berpeluang mengendalikan simpanan terkumpul ahli-ahli Kelab Ijraa. Remaja yang terlibat akan mempelajari dan mengalami tugas-tugas perbankan seperti pengumpulan deposit, pengkreditan dan pengimbangan akaun. Wang yang terkumpul dalam Akaun Simpanan Ijraa beroperasi di bawah skim perkongsian untung *al-mudārabah* yang menawarkan nisbah pembahagian untung pada kadar -

²⁵ Ibid.

50-50.²⁶ Kerugian, jika berlaku ditanggung oleh pendeposit. Simpanan jenis ini lebih menjurus kepada pendidikan perbankan dan galakan menabung.

Dalam mendidik dan menggalakkan amalan menabung di kalangan kanak-kanak, satu akaun simpanan yang khusus untuk kanak juga diwujudkan di Bank Islam. Akaun ini dinamakan “Akaun Tabungan Wadi”. Ia adalah satu tabungan pelaburan *mudarabah* khusus untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Penyimpan dalam tabung ini diberi buku simpanan secara percuma. Sebagai galakan penyimpan juga diberi lencana Wadi dan tabung Wadi percuma dengan simpanan RM 500 ke atas, jika simpanan tabungan kurang daripada RM 500, tabung boleh dibeli dengan harga diskau 40%. Perlindungan Takaful Keluarga Berkelompok dengan baki simpanan dan keahlian Kelab Wadi BIMB juga diberi secara percuma. Semua wang yang tersimpan dalam akaun ini digunakan untuk pelaburan dan keuntungan dibahagi mengikut mekanisme pembahagian untung pelaburan *al-mudarabah*. Jika rugi maka kerugian itu ditanggung oleh pendeposit²⁷, kerana ini telah menjadi prinsip dalam kontrak *mudarabah*. Setakat ini agihan keuntungan ialah pada kadar 50-50.²⁸

(iii). Akaun Simpanan Pelaburan

Akaun Simpanan Pelaburan adalah suatu bentuk akaun yang dikhaskan untuk pelaburan yang dikendalikan di bawah perinsip *al-mudarabah*. Ia juga dikenali dengan istilah Akaun Pelaburan Am al-Mudharabah.²⁹ BIMB menerima deposit daripada orang ramai dan BIMB bertindak melaburkannya dan dalam masa yang sama BIMB juga adalah pemilik modal. Dalam hubungannya dengan

²⁶ BIMB (t.t.), *Risalah Akaun Simpanan Ijara*, para 2.

²⁷ Temubual: Ustaz Abdul Ghani bin Endut, Pegawai Syariah BIMB, Kuala Lumpur, 6hb. Julai 1999.

²⁸ BIMB (t.t.), *Risalah Akaun Simpanan Wadi*, para 1.

²⁹ BNM (1996), *op.cit.*, h. 20

pendeposit, BIMB bertindak sebagai *mudārib* melaburkan wang milik mereka. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan tersebut dikongsi bersama mengikut nisbah yang dipersetujui. Tempoh pelaburan ini boleh dipilih antara jangka masa 1, 3, 6, 9, 12, 15, 24, 36, 48 atau 60 bulan. Dari segi amaun minimum deposit ialah RM 500 untuk tiga bulan dan ke atas. Untuk pelaburan 1 bulan deposit minimumnya ialah RM 5,000. Agihan keuntungan adalah mengikut nisbah 70% kepada penyimpan dan 30% kepada BIMB. Tawaran kadar agihan keuntungan boleh berubah dari semasa kesemasa. Sebarang kerugian yang berlaku adalah menjadi tanggungan pelanggan (pemilik modal). Pelanggan, sebagai pemilik modal tidak boleh ikut serta dalam pengurusan pelaburan.³⁰ Keuntungan dikira dengan menggunakan kaedah:³¹

Untung = jumlah simpanan pelanggan x nisbah keuntungan x tempoh pelaburan

$$100 \times 12$$

(iv) Akaun Pelaburan Khas

Sebagai tambahan kepada kemudahan untuk menerima deposit di atas BIMB juga boleh menerima deposit daripada individu, kerajaan, badan korporat, pemegang amanah, perkongsian dan syarikat dalam bentuk akaun pelaburan khas atau Akaun Pelaburan Istimewa Al-Mudharabah.³² Dari segi kadar agihan keuntungan, ia boleh dilakukan mengikut persetujuan melalui perundingan antara BIMB dan individu atau pihak berkenaan. Ia bergantung juga kepada jumlah deposit yang diterima oleh BIMB. Keuntungan yang diperolehi akan dikongsi mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Jumlah minimum bagi akaun jenis ini

³⁰ BIMB (1994), *Islamic Banking Practice From The Practitioner's Perspective*, h.65

³¹ *Ibid*, h. 67

³² BNM (1996), *op.cit.*, h. 21

ialah RM 500,000. Deposit dan pengeluaran dibuat sekali sahaja untuk jumlah sepenuhnya pada bila-bila masa.³³ Tiada kemasukan dan pengeluaran wang secara berperingkat-peringkat dalam akaun pelaburan jenis ini.

(v) Akaun Pelaburan Sakinah

Akaun pelaburan ini adalah untuk pesara dan bakal-bakal pesara yang ingin merancang pendapatan masa depan bagi menampung perbelanjaan harian setelah bersara. Akaun Pelaburan Sakinah ini dibuat berdasarkan *muḍārabah* dengan pelaburan minimum sebanyak RM 50,000 dalam jangka masa antara 12,24,36,48 atau 60 bulan . Nisbah pembahagian untung ialah 70% kepada pelabur dan 30% kepada Bank. Pelabur boleh mengambil keuntungan pelaburan ini setiap bulan.³⁴

(vi) Deposit Boleh Niaga Secara Islam (INID)

Produk kewangan ini diluluskan oleh Bank Negara Malaysia pada 8 Disember 1998.³⁵ Modus operandinya ialah dengan pelanggan mendeposit wang ke dalam Bank Islam. Bank menerima deposit berkenaan dan mengeluarkan INID kepada pelanggan sebagai keterangan (bukti) mengenai deposit berkenaan. Setelah sampai tempoh matang pelanggan mengemukakan INID kepada Bank dan menerima kembali modal miliknya dan keuntungan yang telah dipersetujui. Nisbah keuntungannya ialah 80% untuk pelanggan dan 20% untuk Bank.³⁶ INID boleh dijual di pasaran kedua.³⁷

Penyertaan BIMB dalam menawarkan deposit jenis ini adalah sebagai suatu langkah untuk menghadapi keadaan ekonomi yang tidak baik sebagaimana

³³ *Ibid.*

³⁴ Utusan Malaysia 23 Disember 1998; BIMB (t.t.) , *Rislah Akaun Pelaburan Sakinah*, para 2.

³⁵ BNM (1998) , h. 187.

³⁶ BNM (2000) , op. cit., h. 9

yang berlaku pada tahun 1997 dan 1998. Di waktu itu bank-bank konvensional menaikkan kadar bunga. Ini menggalakkan pendeposit memasukkan wang mereka ke dalam bank berkenaan. Bank Islam mengalami kekurangan deposit. Dalam masa yang sama, pelanggan-pelanggan bank konvesional memindahkan pinjaman mereka ke Bank Islam untuk mengurangkan bebanan intrest yang meningkat. Ini kerana pembiayaan di Bank Islam dilaksanakan pada kadar tetap seperti BBA dan *murabahah*. Dengan menawarkan peratus keuntungan yang tinggi akan dapat menarik badan-badan koperat untuk menyertainya. Ini membolehkan Bank Islam memperoleh wang untuk menampung keperluan permintaan pembiayaan.³⁸ Dalam keadaan ekonomi negara yang telah pulih dari kegawatan, tekanan permintaan pembiayaan kepada Bank Islam kembali menurun, deposit jenis ini tidak lagi menjadi satu keperluan. Untuk tahun 2001, sehingga akhir bulan Jun, hanya dua syarikat yang melanggan deposit jenis ini yang bernilai dua puluh juta ringgit sahaja.³⁹

Untuk mengagihkan keuntungan kepada pendeposit-pendeposit *muḍārabah* dalam semua jenis akaun *muḍārabah* yang disediakan oleh BIMB ialah dengan mengenal pasti jumlah sebenar dana yang diperolehi daripada deposit *muḍārabah* dibandingkan dengan jumlah keseluruhan deposit pelanggan.⁴⁰ Keuntungan daripada dana deposit *muḍārabah* akan dibahagikan antara pendeposi-pendeposit dan BIMB. Manakala keuntungan daripada deposit-deposit yang lain adalah menjadi milik BIMB.

³⁷ *Ibid.*, h. 5.

³⁸ Lihat BNM (1997) , *op.cit*, h. 159.

³⁹ Penjelasan daripada Encik Ismail Taib, Timbalan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Perhubungan Bank Islam Malaysia Berhad, Tingkat 11, Menara Takaful, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur dalam temubual dengan beliau pada 24.7.2001.

⁴⁰ BIMB Holding (1998) , *Laporan Tahunan* , h. 62.

Dana *mudarabah* BIMB daripada deposit pelanggan bagi tahun 1997, 98, 99 dan 2000⁴¹

1997	1998	1999	2000
RM ,000	RM,000	RM, 000	RM, 000
2,055,748	1,352,017	3,417,238	5,347,833

1.2. Penggunaan dana

Dana yang terkumpul hasil daripada berbagai-bagai jenis akaun yang ditawarkan oleh BIMB akan digunakan bagi membiayai perniagaannya dalam bentuk perniagaan dan perkhidmatan yang bolch menghasilkan pendapatan yang dianggap sebagai keuntungan BIMB yang boleh diagihkan kepada pendeposit-pendeposit, khususnya pendeposit dalam Akaun Pelaburan, Akauan Pelaburan Khas al-Mudharabah, Akaun Simpanan Ijraa, Tabung Wadi, Akaun Pelaburan Sakinah dan akaun-akaun lain yang dibuat dengan memakai kontrak *mudarabah*. Kepada pendeposit yang lain selain daripada pendeposit dalam akaun-akaun berkenaan, pulangan yang diberi oleh BIMB adalah berbentuk hadiah atau *hibah*. Dari segi kadarnya adalah tertakluk kepada budibicara Bank.⁴² Ini kerana simpanan jenis lain selain daripada deposit yang diterima oleh Bank secara *mudarabah* adalah semata-mata *wad'i'ah* yang bermotifkan keselamatan, bukan keuntungan.

Penggunaan dana untuk membiayai aktiviti perniagaan BIMB bagi menghasilkan keuntungan dan seterusnya dibahagikan antara BIMB dan pendeposit mengikut kaedah pembahagian untung dalam kontrak *mudarabah*,

⁴¹ BIMB (2,000) , *Laporan Tahunan* , h. 51; BIMB(1998) Holding, *op.cit.*, h.71

⁴² Nor Mohamed (1996) , *op.cit.*, h. 76

berlaku dalam pelbagai transaksi. Antara yang dilaksanakan oleh BIMB antaranya adalah sebagaimana berikut:

(i) Pembiayaan Tanah, Rumah dan Kenderaan .

Sekim Pembiayaan Tanah ini dibuat di bawah prinsip *al-bay^c bithaman ājil* iaitu Jualan Dengan Harga Tangguh. Tujuan sekim ini untuk membiayai pembelian tanah, pembiayaan semula tanah untuk kegunaan peribadi dan pelangsaian pinjaman yang sedia ada. Jumlah pembiayaan boleh diberi ialah sehingga nilai jualan terdesak harta cagaran atau sehingga 100% bagi pembelian terus daripada pemaju.⁴³

Skim Pembiayaan Rumah *Baiti* iaitu satu sekim pembiayaan perumahan. Ia juga dibuat di bawah prinsip *al-bay^c bithaman ājil*. Sekim pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli rumah atau mendapatkan pembiayaan semula, juga boleh digunakan untuk mendapatkan pembiayaan membuat ubahsuai rumah.⁴⁴ Kaedah *al-bay^c bithaman ājil* juga di pakai dalam pembiayaan kenderaan yang dikendalikan oleh Bank Islam. Di bawah skim pembiayaan kenderaan ini Bank menyediakan pembiayaan pembelian kenderaan yang diminta oleh pelanggan. Jenis kenderaan yang boleh dibayai oleh Bank ialah kereta, van serbaguna dan jip pacuan empat roda. Kadar pembiayaan yang boleh diberi ialah sehingga 75% harga belian tidak melebihi RM 80,000 dan tempoh pembiayaan ialah sehingga 60 bulan. Penerima pembiayaan ini perlu menyediakan deposit cagaran sebanyak 3 bulan ansuran bulanan dan seorang penjamin yang boleh diterima oleh bank jika perlu.⁴⁵ Kontrak pembiayaan kenderaan ini juga boleh

⁴³ BIMB (1994) , *op.cit.*, h.73.

⁴⁴ BIMB (t.t.) , *Risalah Skim Pembiayaan Rumah Baiti*, para 1.

⁴⁵ BIMB(t.t.), *Risalah Pembiayaan Kenderaan* , para 1.

diuruskan mengikut konsep *al-ijārah thumma al-bay'*,⁴⁶ sewa yang diikuti dengan jual beli. Konsep *al-ijārah thumma al-bay'* merujuk kepada dua kontrak yang ditanda tangani secara berasingan dan berturutan iaitu *al-ijārah* (sewa) dan kontark *al-bay'* (jual). Dalam kontrak yang pertama penyewa menyewa kenderaan daripada pemiliknya pada harga sewa yang dipersetujui untuk tempoh tertentu. Penyewa juga menanda tangani satu opsyen untuk membolehkan dia membeli kenderaan tersebut kemudian. Apabila tempoh sewaan tamat, penyewa menanda tangani kontrak kedua untuk membeli kenderaan tersebut daripada pemiliknya pada suatu harga yang dipersetujui bersama.⁴⁷

(ii) Pembiayaan Komputer Peribadi

Dalam usaha meluaskan perniagaan dan membantu pelanggan memiliki komputer peribadi, Bank memasukkan aktiviti menyediakan modal untuk membiayai pembelian komputer sebagai satu daripada aktiviti perniagaannya. Pembiayaan disediakan untuk semua jenis komputer peribadi termasuk eksesori. Bank menyediakan pembiayaan sehingga RM 10,000 atau hingga 100 % daripada harga belian komputer tertakluk kepada yang mana lebih rendah. Tempoh pembayaran balik sehingga 4 tahun atau sehingga umur persaraan, yang mana lebih awal.⁴⁸ Pembekalan modal dalam aktiviti ini dibuat di bawah perinsip *al-bay' bitahaman ājil*. Keuntungan daripada jualan secara ini dapat dibahagikan kepada pelabur (penyimpan) mengikut perinsip agihan keuntungan dalam kontrak *mudārabah*.

⁴⁶ BIMB (1994), *op.cit.*, h.76.

⁴⁷ Nor Muhammed (1996), *op. cit.*,h. 90.

⁴⁸ BIMB (t.t.), *Risalah pembiayaan Komputer Peribadi*, para 1.

(iii) Pembiayaan Umrah, Ziarah dan Pelancongan

BIMB menyediakan Paket Pembiayaan untuk kakitangan kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat swasta yang ternama untuk membiayai segala kos paket Umrah, Ziarah dan juga untuk pelancungan yang ditawarkan oleh agensi yang diiktiraf oleh Bank. Pembiayaan diberi berdasarkan harga sebenar paket sehingga had maksimum RM10,000 atau yang mana lebih rendah. Tempoh bayaran balik diberi sehingga tiga tahun atau sehingga umur persaraan, yang mana lebih awal. Aktiviti pembiayaan ini diurus berdasarkan konsep *al-bay'* *bithaman ajil*. Ertinya BIMB beli paket berkenaan daripada agensi yang diiktiraf pada harga tertentu dan menjualnya kepada pelanggan dengan margin keuntungan pada suatu kadar tertentu yang dipersetujui antara Bank dan pelanggan. Pelanggan membayarnya secara beransur-ansur.⁴⁹

(iv) Pembiayaan Peribadi dan Kemudahan Overdraft

Dalam perniagaannya BIMB juga menawarkan pembiayaan peribadi untuk pelanggan memperolehi wang tunai dengan cepat bagi memenuhi keperluan mereka. Jumlah pembiayaan boleh diberi hingga RM 25,000 atau sepuluh kali ganda gaji kasar, mana yang lebih rendah. Tempoh bayaran diberi hingga 60 bulan. Pelanggan yang layak diberi kemudahan pembiayaan ini ialah orang yang telah berumur 18 tahun ke atas, kakitangan kerajaan atau swasta yang bergaji tetap dan berpendapatan sekurang-kurangnya RM 1,500 sebulan. Penerima pembiayaan jenis ini dikehendaki mengadakan seorang penjamin jika jumlah pembiayaan yang diterimanya tidak melebihi RM 10,000. Jika melebihi RM10,000 dia dikehendaki menggumukkan dua orang penjamin. Penerima-

⁴⁹ BIMB (t.t), *Risalah pembiayaan Umrah & Ziarah*, para 1.

pembiayaan juga dikhendaki mengemukakan cagaran sebanyak tiga bulan ansuran bulanan. Pembiayaan ini diberikan oleh Bank berdasarkan perinsip *qard al-hasan*, di mana penerima pembiayaan ini hanya dikhendaki membayar kembali kepada Bank setakat jumlah wang yang diterimanya. Walau bagaimanapun pelanggan dikhendaki membayar perbelanjaan pengurusan dalam bentuk upah yang diambil oleh bank.⁵⁰

Kemudahan overdraf tanpa riba juga disediakan oleh BIMB. Ia dinamakan “Overdraft Naqad”. Pelanggan-pelanggan yang ingin mendapatkan kemudahan kewangan jenis ini perlu memiliki harta yang boleh dicagarkan kepada BIMB. Antara harta yang boleh diterima termasuklah rumah, tanah, bangunan komersil atau lain-lain yang bersesuaian. Kemudahan kewangan boleh diberi sehingga nilai harga jualan terdesak harta cagaran. Tempoh pembayaran balik diberi sehingga lima tahun. Masa pembayaran adalah fleksibel, mengikut kemampuan pelanggan sama ada secara tahunan, suku tahunan, bulanan atau sebagainya yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak. Kemudahan kewangan jenis ini diuruskan berasaskan kepada perinsip *al-bay’ bithaman ājil*.⁵¹

(v) Pembiayaan Barang Pengguna dan Sewa Peralatan

Pembiayaan untuk pembelian barang pengguna disediakan oleh BIMB untuk membeli semua jenis barang. Pembiayaan diberi hingga 100% atau sehingga had maksimum RM 5,000. Tempoh pembayaran balik diberi hingga 3 tahun atau umur persaraan, yang mana lebih awal. BIMB lebih dahulu mengenal pasti jenis barang yang diminta oleh pelanggan dan menentukan

⁵⁰ BIMB (t.t.) , *Risalah Pembiayaan Peribadi*, para 1.

⁵¹ BIMB (1994) , *op.cit.*, h.75; BIMB (t.t.) , *Risalah Pembiayaan Overdraaf Naqad* , para 1-2.

tempoh dan cara pembayaran. Kemudian BIMB membeli barang berkenaan dan seterusnya menjual barang tersebut kepada pelanggan dengan harga yang merangkumi perkara berikut.⁵²

- a. Harga sebenar barang itu sebagaimana yang dibeli oleh BIMB.
- b. Kadar atau jumlah keuntungan yang diambil oleh BIMB.

Pembentangan jenis ini dilakukan berasaskan perinsip *al-bay' bithaman ajil*.

Dalam membiayai sewaan peralatan dan mesin, Bank boleh menyediakan pembiayaan untuk pelanggan menggunakan manfaat sesuatu barang atau peralatan di bawah kontrak sewa. Pada mulanya Bank membeli aset yang diminta oleh pelanggan berkenaan. Seterusnya Bank menyewakan peralatan itu kepada pelanggan untuk tempoh masa yang tertentu dan menentukan kadar sewaan. Terma dan syarat-syarat yang lain ditentukan mengikut persetujuan antara mereka. Bagi pelanggan yang ingin terus memiliki peralatan berkenaan, dengan persetujuan Bank ia boleh membeli peralatan tersebut di akhir tempoh sewaannya dengan menjadikan bayaran sewa sebagai sebahagian daripada harga pembelian tersebut. Kontrak sedemikian dibuat berasaskan perinsip *al-ijarah thumma al-bay'*.

(vi) Skim Ar Rahnu

Sekim Ar Rahnu adalah satu sistem pajak gadai Islam yang menjadi alternatif untuk mendapatkan wang tunai dengan serta merta bagi memenuhi keperluan terdesak pelanggan. Dalam pelaksanaan skim ini BIMB memberi pinjaman kebajikan (*al-gard al-hasan*) kepada pemohon. Pemohon mencagarkan

⁵² BIMB (1994), *op.cit.*, h.73; BIMB (t.t.), *Risalah Pembentangan Barangan Pengguna*, para 1.

barang gadaian iaitu emas sebagai jaminan kepada hutang yang diambil olehnya. BIMB menjamin keselamatan barang gadaian yang disimpan di bawah perinsip *al-wadi'ah yad al-damānah*. Bank mengenakan upah ke atas simpanan barang gadaian tersebut. Upah inilah yang dianggap sebagai keuntungan Bank. Barang yang diterima untuk gadaian ialah emas jongkong atau barang kemas yang tidak mengandungi batu perhiasan. Jumlah pinjaman maksimum yang boleh diberikan oleh Bank ialah sebanyak RM 5,000 atau tidak melebihi 60% daripada nilai pasaran barang gadaian ikut mana yang lebih rendah.⁵³

1.2.1 Pembiayaan perdagangan

Untuk pembiayaan perdagangan, bank menyediakan kemudahan kewangan terutamanya bagi perniagaan jangka pendek dengan memberi kemudahan perniagaan atau penyediaan modal kepada pelanggan. Kemudahan pembiayaan ini diberi kepada pembeli atau pengimport, dan penjual atau pengeksport barang dan peralatan atau mesin, memperoleh dan menyediakan bekalan dan inventori (senarai barang), menyimpan dan mengganti, barang mentah dan barang separuh siap. Antara kemudahan berkenaan yang diberi oleh Bank adalah seperti berikut.

- a. Surat Kredit⁵⁴ di bawah perinsip *al-wakalah*, *al-musyārakah* dan *al-murabahah*. Penyediaan surat-surat kredit ini dalam urusniaganya bergantung kepada kehendak pelanggan.

⁵³ BIMB (t.t) , *Risalah Skim Ar Rahnu*, para 1-2.

⁵⁴ Surat kredit ialah surat arahan yang membenarkan bank membayar sejumlah wang yang tertulis pada surat itu kepada penama atau wakil penama tersebut yang biasanya adalah sebuah bank lain. Surat kredit penting dalam urus niaga import dan ekseport apabila pembayaran untuk urusniaga tersebut biasanya melibatkan dua buah bank, satu di negara pengimport dan satu lagi di negara pengeksport. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka (1993) , *Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur, h. 247.

i. Surat Kredit Al-Wakalah.

Pelanggan memberitahu bank mengenai surat kredit yang diperlukan olehnya dan meminta kepada Bank supaya menyediakan kemudahan berkenaan kepadanya. Pelanggan juga dikhendaki memberi tahu kepada bank tentang jenis dan sifat barang yang hendak dibeli. Untuk tujuan tersebut Bank boleh meminta pelanggan berkenaan memberikan wang deposit yang menyamai jumlah harga barang yang akan dibeli atau diimport dan Bank menerima wang deposit sebagai *wadī'ah*. Kemudian Bank mengeluarkan Surat Kredit dan seterusnya membayar kepada bank (bank Pengeksport) dengan menggunakan wang deposit pelanggan yang ada dalam tangan Bank dan menyerahkan dokumen pembayaran itu kepada pelanggan. Bank mengenakan bayaran kepada pelanggan atas perkhidmatan berkenaan di bawah perisip upah atau bayaran perkhidmatan (*al-ujūr wa al-'umūlah*)⁵⁵

ii. Surat Kredit Al-Musyarakah

Dalam mendapatkan kemudahan surat kredit jenis ini, pelanggan memaklumkan kepada Bank mengenai keperluannya kepada surat kredit berkenaan dan merundingkan terma pembiayaan *al-musyārakah* yang dimintanya. Untuk tujuan ini pelanggan diminta menyediakan wang deposit sebagai penyerahan bahagian persyarikatannya ke atas harga barang yang akan dibeli atau diimport dan membuat perjanjian *al-musyārakah* dengan Bank dan Bank menerima wang deposit itu di bawah perinsip *al-wadī'ah*. Bank mengeluarkan surat kredit dan membuat pembayaran kepada bank yang dirundingi (bank pengeksport) dengan menggunakan wang deposit pelanggan dalam pegangan-

⁵⁵ BIMB (1995), h. 16.

Bank sebagai sebahagian daripada harga barang yang dibeli dan kemudiannya Bank meyerahkan dokumen berkenaan kepada pelanggan. Pelanggan mempunyai hak pemilikan dalam barang berkenaan dan berhak melupuskannya mengikut persetujuan dalam perjanjian. Bank dan pelanggan berkongsi keuntungan daripada urusniaga yang disediakan dalam perjanjian ini.⁵⁶ Bank mengenakan ke atas pelanggan komesyen berlandaskan hukum upahan dan perbeanjaan mengurus yang berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit. Bank menyerahkan dokumen-dokumen bersangkutan kepada pelanggan, dan pelanggan berusaha menjual barang berkenaan mengikut perjanjian yang dimeteraikan. Apabila barang itu telah dijual dan memperolehi keuntungan, pelanggan dan bank membahagikan keuntungan itu mengikut perjanjian yang telah dimeteraikan.⁵⁷

iii. Surat Kredit Al-Murabahah

Dalam mendapatkan kemudahan ini, pelanggan memaklumkan kepada Bank mengenai surat kredit yang dikehendakinya kepada Bank dan meminta Bank membeli atau mengimport barang yang tertentu dan ia mahu membeli barang itu daripada Bank setelah barang itu diperolehi oleh Bank dengan menggunakan prinsip jualan *al-murabahah*. Bank mengeluarkan surat kredit dan membayar urusan itu kepada bank yang dirundingi dengan menggunakan dana Bank. Kemudian Bank menjual barang itu kepada pelanggan dengan harga belian yang ditambah dengan kadar keuntungan yang diambil oleh Bank di bawah

⁵⁶ *Ibid.*, h. 17.

⁵⁷ Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. h. 116-117.

prinsip *al murabahah* dan pelanggan membayarnya secara tunai pada suatu tempoh masa yang dipersetujui.⁵⁸

b. Surat Jaminan

Bank Islam juga menyediakan kemudahan surat jaminan kepada pelanggan untuk sesuatu tujuan tertentu di bawah prinsip *al-kafālah*. Surat jaminan bank ialah kontrak yang dibuat antara Bank dengan satu pihak lain untuk melaksanakan tanggungjawab pelanggan Bank sekiranya pelanggan itu gagal menunaikan tanggungjawabnya.⁵⁹ Pelanggan yang ingin mendapatkan kemudahan ini membuat permohonan kepada Bank supaya dikeluarkan surat jaminan terhadap tanggunjawabnya mengenai sesuatu hutang atau sesuatu tanggungjawabnya terhadap pihak ketiga. Bank mengeluarkan surat jaminan kepada pihak ketiga yang menyatakan bahawa Bank bersetuju menerima tanggungjawab menjelaskan hutang pelanggan atau membayar ganti rugi sekiranya pelanggan gagal melaksanakan sesuatu tugas yang menjadi tanggungjawabnya. Surat jaminan ini dikeluarkan dengan terlebih dahulu mengambil kira dari segi keupayaan membayar balik hutang oleh pelanggan berkenaan. Bank akan meminta kepada pelanggan supaya meletakkan deposit sejumlah wang yang tertentu untuk kemudahan ini dalam Bank dan Bank menerima deposit ini di bawah perinsip *al-wadī'ah*. Bank mengenakan bayaran perkhidmatan kepada pelanggan atas perkhidmatan yang disediakan.⁶⁰

c. Pembiayaan Modal Kerja Al-Murabahah

Dalam menyediakan modal kerja, pelanggan boleh meminta Bank menyediakan pembiayaan untuk modal kerjanya dengan membekalkan berbagai-

⁵⁸ BIMB (1995) , *op.cit.*, h. 17

⁵⁹ BIMB (1994) *op.cit.* h. 100.

bagai jenis barang, simpanan, alat ganti atau barang separuh siap dan bahan-bahan mentah. Bank menyediakan modal di bawah perinsip *al-murabahah*. Dalam melaksanakan urusan ini, Bank membeli apa yang diminta oleh pelanggan dan melantik pelanggan sebagai agen untuk membeli barang berkenaan bagi pihak Bank dan menyelesaikan pembayaran harga belian dengan wang kepunyaan Bank. Bank seterusnya menjual barang tersebut kepada pelanggan dengan harga yang telah dipersetujui yang meliputi harga belian dan kadar keuntungan untuk Bank. Bank membenarkan pelanggan untuk melangsaikan harga pembelian mengikut tempoh yang ditetapkan sama ada 30 hari, 60 hari atau 90 hari atau mana-mana tempoh yang bersesuaian. Apabila sampai tempoh yang ditetapkan, pelanggan dikehendaki menjelaskan pembayaran harga jualan berkenaan.⁶¹ Bank juga mengenakan ke atas pelanggan komesyen berlandaskan hukum upah dan perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit.⁶²

d. Sekuriti dan Bil Penerimaan Islam untuk pembelian

Kontrak pembiayaan ini dibuat berdasarkan konsep *bay' al-dayn*.⁶³ Ini adalah lanjutan daripada kontrak *murabahah* dalam pembiayaan modal kerja, cuma ianya dilakukan dalam bentuk hutang. Pelaksanaannya ialah dengan Bank mengeluarkan bil pertukaran untuk diserahkan kepada pelanggan yang berperanan sebagai ejen Bank untuk membeli barang berkenaan sebelum ini. Bil tersebut adalah merupakan sekotititi hutang. Bil pertukaran ini dikeluarkan oleh Bank

⁶⁰ BIMB (1995) , *op.cit.*, h. 18.

⁶¹ *Ibid.*

⁶² Sudin Haron (1996) , *op.cit.*

⁶³ *Bay' al-dayn* adalah suatu bentuk perniagaan di mana seorang yang mempunyai hak mengutip hutang yang akan matang pada masa hadapan boleh menjualnya kepada orang lain dengan harga yang dipersetujui bersama. Lihat Nor Muhammed, *op.cit.*, hlm. 92. Dari segi hukum

dan diterima oleh pelanggan untuk bayaran penuh kepada harga belian yang dibuat oleh Bank. Dengan itu pelanggan boleh mengambil barang yang dibeli. Pelanggan akan membayar balik kepada Bank setelah sampai tempoh matang bil. Bil ini boleh diperniagakan di pasaran kedua.⁶⁴

c. Sekuriti dan Pembayaan Eksport

Bentuk Kontrak yang digunakan ialah kontrak *bay' al-dayn*. *Bay' al-dayn* ini adalah suatu kontrak urusniaga hutang dalam bentuk menyediakan kemudahan pembayaan jangka pendek yang kerananya Bank membeli hak pelanggan untuk mendapat pembayaran hutang dengan perlindungan (sekuriti) biasa dalam bentuk bil pertukaran. Ini dibuat dengan cara berikut:⁶⁵

- i. Pengekspot yang berhasrat untuk mendapatkan faedah untuk dirinya dengan kemudahan ini hendaklah menyediakan dokumen eksport sebagaimana yang dikehendaki di bawah kontrak jualan atau surat kredit.
- ii. Mengemukakan dokumen itu kepada Bank untuk dibeli.
- iii. Dokumen eksport itu dihantar kepada pembeli seberang laut. Bank meminta kepada pengekspot untuk mengeluarkan bil pertukaran yang lain yang dikeluarkan oleh bank yang dikenali sebagai "Bil Penerimaan Islam". Dengan itu Bank berhak menerima bayaran daripada pembeli .
- iv. Bil Penerimaan Islam untuk eksport ini boleh dijual di pasaran kedua.

fiqh terdapat hutang yang boleh dijual seperti mendapat pembayaran *gard* dan hak gantian ke atas barang yang dirusakkan. Lihat al-Syirāzi (1994), j. 1, *op.cit.*, h. 444.

⁶⁴ BIMB (1995), *op.cit.*, h. 19

⁶⁵ *Ibid.*, h 19-20.

Kedudukan pembiayaan pelanggan secara *mudārabah* dalam BIMB berbanding dengan pembiayaan yang lain bagi tahun 1998,99 dan 2000:⁶⁶

	1998 RM, 000	1999 RM,000	2000 RM,000
al-Bai Bithaman Ajil	2,320,577	2,428,325	2,883,679
Al-Ijarah	130,129	136,148	279,389
Al-Musyarakah	12,980	20,751	17,517
Al-Mudharabah	18,468	18,774	219,939
Al-Murabahah	867,248	1,228,311	1,156,849
Al-Qardhul Hasan	90,323	1,228,311	210,016
Pembiayaan Kakitangan	52,926	56,787	34,711
	<u>3,492,651</u>	<u>3,994,313</u>	<u>4,802,118</u>

Daripada kedudukan pembiayaan pelanggan yang tertera di atas jelas memperlihatkan bahawa memperniagakan modal *mudārabah* dengan kaedah pembiayaan secara *mudārabah* juga lebih rendah berbanding dengan BBA dan *al-ijarah*. Dalam pada itu, disamping pembiayaan melalui kontrak *mudārabah* yang agak kecil jumlahnya itu, kontrak itu pula bukan berlaku antara BIMB dengan pelanggan individu tetapi ia berlaku antara BIMB dan bank-bank lain yang mengalami defisit. Dengan jumlah pembiayaan *mudārabah* yang kecil itu, sekalipun pada prinsipnya BIMB tidak menolak untuk mengeluarkan pembiayaan secara *mudārabah* kepada pelanggan yang ingin mendapatkan wang daripada Bank bagi menjalankan sesuatu projek jika Bank menaruh kepercayaan penuh -

⁶⁶ BIMB (1999) *Laporan Tahunan*, h. 48; BIMB Holding Berhad (2,000), *Laporan Tahunan* , h.54.

kepada pengusaha berkenaan, tetapi pada waktu ini BIMB tidak mengeluarkan pembiayaan untuk tujuan itu. Bank Negara juga menasihatkan kepada BIMB supaya tidak berbuat demikian. BIMB memang pernah membekalkan modal *muḍārabah* kepada pelanggan, tetapi gagal mencapai tujuannya.⁶⁷

Pendapatan yang diperolehi hasil daripada semua aktiviti perniagaan BIMB di atas adalah dikira sebagai keuntungan Bank. Keuntungan ini akan diagihkan kepada pendeposit dalam Akaun Pelaburan dan Akaun Pelaburan Khas al-Mudharabah dan akaun-akaun lain yang dibuat beasaskan kontrak *muḍārabah*. Sebahinya akan menjadi hak milik BIMB, di mana sebahagian daripadanya digunakan oleh BIMB untuk pemberian hadiah atau *hibah* khususnya kepada pendeposit-pendeposit dalam Akaun Simpanan al-Wadiyah dan Akaun Simpanan Semasa.⁶⁸

2. Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah diperbadankan pada 29 November 1984 di bawah Undang-undang Malaysia, Akta Takaful 1984, Akta No. 312. Takaful adalah suatu konsep yang menggambarkan satu rancangan ansurans yang berasaskan semangat perpaduan, rasa tanggungjawab dan hubungan persaudaraan antara peserta. Peserta rancangan takaful bersetuju bersama-sama memberi sumbangan kewangan secara *tabarru'* dengan niat kerana Allah bagi saling membantu antara satu sama lain. Operasinya tidak melibatkan unsur-unsur yang bertentangan dengan syari'ah. Perinsip insurans Islam yang

⁶⁷ Temubual : Ustaz Mohd. Bakir Haji Mansor, Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah BIMB , Kuala Lumpur, pada 29 hb Julai 1999.

⁶⁸ Lihat Nor Mohamed (1996) , *op. cit.*, h. 76.

berasaskan konsep takaful ini ialah saling bertanggungjawab, bantu membantu, dan saling lindungi melindungi dari sebarang kesusahan akibat kemalangan, bencana dan sebagainya.⁶⁹

2.1. Perkaitan antara takaful dan *mudārabah*

Perkaitan memang wujud antara pelaburan harta secara *mudārabah* dan konsep takaful atau insurans Islam. Ini berlaku sekalipun Syarikat Takaful bukanlah satu badan yang secara rasminya sebagai badan pelaburan, kerana disamping mengendalikan pelaburan ia juga menguruskan kahairat peserta dengan wang *tabarru'* sumbangan mereka. Perkaitan berlaku kerana adanya wang yang terkumpul hasil daripada caruman yang dibuat oleh setiap peserta takaful. Sekalipun wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta takaful sebahagiannya adalah diberi secara *tabarru'* khusunya dalam Takaful Am dan Akaun Khas Peserta (AKP) dalam Takaful Keluarga, tetapi oleh kerana kemalangan, kecurian dan bencana bukan sesuatu yang pasti akan menimpa seseorang. Ianya hanyalah satu kemungkinan. Mungkin dalam jarak masa tertentu, kemalangan atau bencana itu tidak berlaku atau ia hanya berlaku dalam jumlah yang kecil. Kemalangan juga adalah suatu peristiwa yang berlaku hanya apabila berlakunya kejadian yang lain, yang mungkin terjadi secara kebetulan atau tidak sengaja dan kejadian itu mungkin tidak berlaku langsung.⁷⁰

Dalam keadaan yang demikian akan berlaku di mana sebahagian besar wang caruman *tabarru'* peserta dalam Syarikat Takaful tidak dikeluarkan untuk membayar manfaat takaful kepada peserta-pesertanya. Wang itu mesti

⁶⁹ Mohd. Fadhl Yusof (1996), *Takaful Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication, h. 18.

⁷⁰ Hardy Evamy, E.R (1997), *General Principles of Insurance*, London, h. 3.

dilaburkan, tidak bolch dibiarkan beku. Dalam pada itu memang terdapat secara khusus dalam wang sumbangan takaful yang disediakan untuk pelaburan iaitu dalam Akaun Peserta (AP). Dengan demikian akan wujud suatu kumpulan wang yang bolch dilaburkan dalam berbagai-bagai bidang ekonomi untuk mengelakkan wang itu daripada terbiar beku dan seterusnya memperkembangkan harta berkenaan untuk dimanfaatkan dengan cara lebih meluas. Oleh itu tindakan melaburkan wang berkenaan adalah menepati dengan kehendak undang-undang Islam. Undang-undang Islam mlarang pembekuan harta; menyuruh supaya harta itu dikembangkan dengan menggalakkan perniagaan. Dengan cara demikian wang yang terkumpul itu dapat berfungsi bagi membiayai aktiviti ekonomi. Ia boleh meningkatkan kesejahteraan umat Islam disamping faedah yang bolch dikembalikan kepada pesertanya sendiri.

Untuk mempastikan semua jenis perniagaan yang dijalankan oleh STMB, baik dari segi mewujudkan pelan takaful atau melaburkan wang yang terkumpul hasil daripada caruman peserta dalam pelbagai pelan takaful yang disediakan, pihak Syarikat Takaful juga mempunyai Majlis Pengawasan Syariah sendiri. Majlis ini mengawasi perjalanan perniagaan supaya ia dapat berjalan seiring dengan kehendak syari'ah. Akta Takaful 1984 mewajibkan Majlis Penasihat Syariah ini diadakan.⁷¹ Ahli-ahli Majlis ini, sebahagian besarnya adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad. Mereka ialah Prof Dato' Othman Ishak sebagai Pengurus. Ahli-ahli lain ialah Dr. Sobri Salamon, Prof. Madya Dr. Abdullah Haji Ibrahim, S.S. Dato' Haji Hashim

⁷¹ Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-peraturan (Akta 312), per: 8 (5) (b)

Yahya, Dato' Haji Md. Yunus b. Haji Md Yatim, Dato' Sheikh Ghazali b. Haji Abdul Rahman.⁷²

Wang yang terkumpul hasil daripada sumbangan peserta dalam Takaful Am dan Takaful Keluarga diletakkan dalam dua kumpulan yang berasingan. Wang daripada kedua-dua kumpulan ini dilaburkan oleh STMB bersama kumpulan wang pemegang syar'.⁷³ Keuntungan dibahagi antara peserta sebagai pemilik modal dan STMB sebagai pengusaha (*mudārib*) mengikut kaedah agihan keuntungan dalam *mudārabah*. Sumber wang pelaburan secara *mudārabah* dalam takaful adalah sebagaimana berikut:

I. Takaful Am.

Takaful Am adalah suatu skim mengadakan perlindungan ke atas barang-barang tertentu seperti harta benda dan sebagainya dengan menyediakan suatu kumpulan wang yang disumbangkan oleh orang ramai yang menyertai skim ini. Kumpulan wang ini akan digunakan untuk membayar ganti rugi atau pampasan kepada peserta yang mengalami kesusahan ditimpa kemalangan, kehilangan, kemasuhan atau sebagainya. Kumpulan wang ini akan dilaburkan dalam bidang pelaburan yang halal dari segi syari'ah.⁷⁴

Di bawah perniagaan Takaful Am, Syarikat Takaful Malaysia mengendalikan pelbagai produk yang dipanggil Skim Takaful Am. Skim ini secara amnya berkuatkuasa untuk tempoh satu tahun dan tartakluk kepada pembaharuan, menyediakan manfaat kewangan yang boleh digunakan untuk membaik pulih dan mengganti apa-apa harta atau kepentingan yang rosak,

⁷² STMB (1998), *Laporan Tahunan*, h. 7.

⁷³ Mohd. Fadzli Yusof (1996), *op.cit.*, h.67.

⁷⁴ Jabatan Perdana Menteri (1984), *Laporan Badan Petugas Mengkaji Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam*, h. 31.

musnah atau hilang akibat ditimpa sesuatu musibah. Dengan demikian harta benda atau aset sama ada yang dimiliki oleh orang perseorangan atau badan korporat seperti rumah kediaman, kilang, gedung perniagaan, stok barang, kenderaan dan sebagainya boleh dilindungi oleh skim-skim takaful. Oleh kerana semua wang yang disumbangkan oleh peserta adalah disediakan untuk digunakan sebagai bantuan kepada peserta-peserta yang terkena musibah, maka kerana itu semua wang caruman dikira sebagai sumbangan *tabarru'* (sukarcla). Namun demikian wang dalam akaun takaful jenis ini yang tidak habis digunakan untuk pemberian manfaat takaful kepada peserta yang terkena musibah dan peruntukan untuk rizab, akan dikekalkan dalam kumpulan wang pelaburan. Ini bererti kumpulan wang takaful am itu mencatatkan lebihan. Lebihan ini adalah adalah dikira sebagai keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan takaful.⁷⁵ Keuntungan itu akan dibahagikan antara STMB sebagai *mudārib* dan peserta sebagai pemilik modal mengikut kadar yang telah dipersetujui dalam kontrak penyertaan takaful.

Setakat ini dalam takaful am, STMB telah menawarkan skim Takaful Kebakaran: kebakaran asas, pemilik rumah, kandungan dalam rumah, semua

⁷⁵ Dalam perniagaan takaful, konsep keuntungan diperluaskan daripada makna asal kenuntungan *mudārabah* yang dibincang dalam kitab-kitab *fiqh*, di mana keuntungan adalah lebihan daripada harta modal. Tetapi dalam perniagaan takaful ia dapat bahawa keuntungan bukan sahaja lebihan daripada jumlah modal malah lebihan harta (wang) setelah ia digunakan untuk pembayaran pampasan dan rizab juga dikira sebagai keuntungan. *Nature* dalam perniagaan takaful berbeza dengan urusniaga *mudārabah* dalam bidang perdagangan. Dalam urusniaga perdagangan secara *mudārabah* yang diperniagakan adalah harta milii tertentu. Tetapi dalam takaful *mudārabah* juga berlaku ke atas harta *tabarru'*. Belum ditentukan secara pasti siapakah antara peserta yang akan menerima. Ia bergantung kepada siapa antara peserta yang ditimpa musibah. Jika harta itu (wang sumbangan peserta yang diperniagakan oleh STM) tidak habis digunakan untuk membayar pampasan, lebihannya dikira sebagai keuntungan. Di dalamnya ada hak STM sebagai *mudārib*. Selebihnya dipulangkan kembali kepada peserta. Maknanya *tabarru'* peserta untuk membantu sesama mereka terhad kepada keperluan sahaja. Jika wang itu tidak diperlukan, kerana tidak habis digunakan, ia dikembalikan kepada penyumbangnya (peserta). Ini juga bermakna wang *tabarru'* yang diperniagakan oleh STM itu benar-benar memperoleh keuntungan atau tidak, asalkan wang itu tidak terpakai habis untuk pampasan dan rizab maka ia

risiko perusahaan; skim Takaful Kenderaan Berinjin: kereta dan motosikal; skim Takaful Kemalangan: kemalangan diri dan kemalangan diri berkelompok, kemalangan diri jemaah haji, pampasan pekerja, liabiliti awam, semua risiko alat kelengkapan, liabiliti majikan, gangguan perniagaan, pecah amanah dan kerosakan pemercik; skim Takaful Tanggungan; skim Takaful Kejuruteraan: kerosakan jentera, semua risiko penderiaan, dandang, bencana tekanan dan semua kerosakan jentera, semua risiko kontraktor; skim Takaful Marin: kargo dan skim Takaful Pelajar-pelajar Malaysia.⁷⁶

II. Takaful Keluarga.

Takaful Keluarga adalah satu skim yang berupa simpanan dan pelaburan oleh orang ramai. Mereka yang menyertai skim ini dipanggil peserta-peserta takaful. Jumlah wang caruman yang disumbangkan secara beransur-ansur oleh peserta takaful akan digunakan untuk membantu peserta-peserta yang ditimpa bencana seperti kematian atau kemalangan. Lebihannya akan dilaburkan dalam bidang pelaburan yang dibenarkan oleh syari'ah. Pesert-peserta berhak mendapat balik keuntungan daripada pelaburan itu.⁷⁷

Di bawah Takaful Keluarga ini, pihak Syarikat menyediakan pelbagai jenis pelan Takaful , antaranya:

- a . Pelan Takaful Keluarga dengan tempoh matang 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun, 35 tahun dan 40 tahun. Sebahagian besar daripada caruman peserta akan dimasukkan ke dalam Akaun Peserta (AP) untuk simpanan dan pelaburan *muðarabah*.

76 tetap dianggap sebagai wujudnya keuntungan untuk perniagaan STM. Lihat Mohd. Fadzli Yusof, (1996) , *op.cit.*, h. 51.

77 Mustapa Muhammed (1995), *Sistem Dan Institusi Kewangan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Cahaya Pantai h.51-52; STMB (t.t.) , Risalah Pelan Takaful Keluarga, para 6.

78 Mohd. Fadzli Yusof (1996), *op.cit.*, h. 33.

Peratusan *tabarru'* iaitu wang yang dimasukkan dalam Akaun Khas Peserta (AKP) iaitu akaun untuk *tabarru'* yang disediakan untuk tujuan pembayaran manfaat takaful adalah berbeza-beza bergantung kepada umur peserta yang terlibat dan tempoh matang pelan takaful. Maksimumnya ialah 13.8% iaitu bagi peserta yang berumur 50-51 tahun dengan tempoh tamat sepuluh tahun dan had minimumnya ialah 2.2%. Nisbah ini adalah untuk peserta muda iaitu antara 18 hingga 25 tahun yang menyertai pelan takaful bagi jangka masa sepuluh tahun. Bagi peserta muda yang menyertai pelan takaful untuk jangka masa 40 tahun kadar *tabarru'* ialah pada kadar maksimum iaitu 13.8%. Wang dalam akaun *tabarru'* ini digunakan untuk membayar manfaat takaful. Semakin tinggi umur peserta, maka semakin singkat tempoh matang takaful yang boleh disertai, jumlah yang akan dikreditkan dalam AKP juga tinggi iaitu 13.8 % maka jumlah wang yang pasti akan terlibat dalam pelaburan *mudārabah* hanyalah yang bakinya iaitu 86.2%; bagi peserta takaful yang masih muda misalnya antara 18 hingga 25 tahun yang menyertai skim takaful untuk sepuluh tahun, maka peratus *tabarru'* ialah pada kadar 2.2%. Ini bermakna kadar pelaburan mereka dalam *mudārabah* menjadi tinggi iaitu pada kadar 97.8%.⁷⁸ Ini bermakna sebahagian besar daripada caruman mereka akan menjadi modal *mudārabah*.

⁷⁸ STMB (t.t), *Risalah Pelan Takaful Keluarga*, para 3.

b. Pelan Takaful Gadai Janji. Pelan ini disediakan untuk memperoleh manfaat takaful dalam bentuk menebus semua baki pembiayaan atau hutang membeli aset tetap seperti rumah, tanah dan sebagainya yang biasa diperoleh daripada bank, institusi kewangan lain, majikan atau koperasi. Tebus hutang ini dibuat jika ditakdirkan peserta meninggal dunia atau hilang keupayaan. Pelan ini melindungi baki pinjaman atau pembiayaan berkenaan dengan pembayaran sekaligus. Caruman daripada peserta juga dibuat sekaligus. Semua wang caruman peserta dalam pelan jenis ini dimasukkan ke dalam Akaun AKP di bawah perniagaan Takaful Keluarga. Ini bererti semua caruman peserta dikira sebagai sumbangan sukarela (*tabarru'*). Tiada bahagian yang boleh dijadikan modal *mudarabah* yang ditentukan kepada peserta. Wang caruman peserta itu tetap dilaburkan oleh Syarikat Takaful. Keuntungan yang diperolehi hasil daripada pelaburan itu dalam satu-satu bulan dibahagikan mengikut perinsip al-*mudarabah* dengan 70% dikreditkan ke dalam AKP dan 30% dibayar kepada Syarikat Takaful. Jika peserta masih hidup semasa pelan takaful yang disertainya telah matang, maka dia juga berhak mendapat bahagiannya daripada lebihan/keuntungan operasi, jika ada, mengikut penilaian terakhir AKP dalam Kumpulan Wang Takaful Keluarga.⁷⁹

c. Pelan Takaful Rawat. Pelan ini bertujuan menyediakan jaminan kewangan untuk perbelanjaan rawatan perubatan kepada peserta dan

⁷⁹ BNM, (1996) , *op.cit.*, h. 36.

ahli keluarganya yang dimasukkan ke hospital dan pejagaan pembedahan disebabkan oleh penyakit termasuk khidmat bius. Bayaran ini diberikan merangkumi bayaran rundingan dengan pakar perubatan, lawatan harian doktor, clauh harian Hospital Kerajaan, Unit Penjagaan Rapi dan pengkebumian. Ini sebagai manfaat sampingan bagi menjelaskan perbelanjaan rawatan perubatan yang tidak dijelaskan sepenuhnya oleh perlindungan lain dan untuk meringankan beban kewangan ketika ditimpa sakit. Bayaran tahunan yang dikenakan sebagai caruman takaful oleh peserta adalah bebeza mengikut pelan-pelan dan pakej yang berlainan yang disediakan oleh Pengendali (Syarikat Takaful Malaysia). Pebezaan kadar sumbangan takaful oleh peserta ini juga berlaku disebabkan oleh perbezaan umur peserta. Peserta yang usianya masih muda membayar caruman tahunan lebih rendah berbanding dengan peserta yang yang memulakan penyertaan dalam usia yang lebih lanjut.⁸⁰ Peserta skim ini juga berhak mendapat bahagian dalam perkongsian untung *mudarabah*, jika ada, mengikut kadar yang dipersetujui dengan syarat peserta tidak membuat sebarang tuntutan atau menerima sebarang faedah semasa sijil berkuatkuasa.⁸¹ Pelan ini boleh diperbaharui setiap tahun.

- d. Pelan Takaful Keluarga Berkelompok. Pelan ini menyediakan perlindungan kepada sekumpulan individu di bawah satu sijil takaful. Ia boleh dikuatkuasakan oleh sesebuah organisasi atau majikan ke

⁸⁰ STMB (t.t.), *Risalah Takaful Rawat*, para 3.

⁸¹ BNM (1996), *op.cit.*, h. 37.

atas nyawa ahli-ahli dan pekerja-pekerjanya sebagai sebahagian daripada faedah sampingan kepada kakitangan. Faedah adalah dibayar kepada penuntut yang berhak atau orang yang dilindungi akibat daripada kematian atau kecederaan badan sama ada disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau sebagai bayaran balik perbelanjaan perubatan dan kemasukan ke hospital. Perlindungan asas yang disediakan dalam pelan ini ialah faedah kematian. Walau bagaimanapun, ia boleh diperluaskan untuk meliputi faedah tambahan seperti kehilangan upaya kekal dan menyeluruh, perbelanjaan pengkebumian, kematian akibat kemalangan dan kehilangan upaya separuh kekal dan faedah kemasukan ke hospital dengan membuat bayaran tambahan. Jumlah sumbangan ditentukan oleh pemegang sijil utama, tertakluk kepada jumlah minimum seperti ditetapkan oleh Syarikat Takaful. Sekiranya pada akhir tempoh takaful, terdapat lebihan bersih di dalam Akaun Takaful Keluarga Berkelompok, ia akan dikongsi antara peserta dan Syarikat mengikut mengikut nisbah yang dipersetujui, dengan syarat peserta tidak membuat sebarang tuntutan atau menerima sebarang faedah di bawah pelan ini semasa berkuatkuasa.⁸² Pada asasnya semua wang caruman adalah untuk *tabarru'*. Keuntungan hanya dikira wujud apabila ada lebihan wang setelah digunakan untuk membayar manfaat takaful.

⁸² *Ibid.*, h. 37.

misalnya RM 1,000. Jika bayaran yang dikenakan oleh hospital melebihi daripada jumlah itu, maka pihak syarikat hanya membayar RM 1,000 sahaja.

- g. Pelan Takaful Pelajaran. Operasi Pelan Takaful Keluarga Untuk Pelajaran atau ⁸³ Pendidikan adalah serupa dengan Pelan Takaful Keluarga kecuali di bawah pelan ini, terdapat kontrak tambahan yang melibatkan konsep *hibah* ditanda tangan. Ia membentuk satu dana biasiswa yang boleh digunakan untuk membantu pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak peserta pada masa depan. Sekiranya peserta meninggal dunia sebelum tarikh matang, faedah akan dibayar kepada anak atau anak-anaknya yang dinamakan sebagai waris di dalam "borang *hibah*". Di bawah pelan ini orang yang diinsuranskan ialah ibu-bapa.⁸⁴ Tetapi manfaat takaful diberikan kepada anak termasuk anak angkat.⁸⁵ Apabila peserta meninggal dunia sebelum tempoh penyertaannya matang, kontrak *mudārabah* akan terhenti. Pada ketika itu STMB akan berperanan sebagai *wāfi al-māl* (penjaga harta), pemegang amanah menjaga harta. Nanun wang caruman itu akan terus dilabur sehingga kanak-kanak itu berhak menerima *hibah* iaitu setelah berumur 18 tahun⁸⁵.
- h. Pelan Takaful *Ma'asyi*. Pelan ini adalah untuk jaminan memperolehi pendapatan tetap selepas pencen secara bulanan, suku tahunan atau mana-mana lat pilihan peserta sepanjang hayat sehingga berumur

⁸³ *Ibid*, h. 36.

⁸⁴ STMB (t.t), *Risalah Pelan Takaful Keluarga Untuk Pelajaran*, para 1.

⁸⁵ Mohd. Fadhlil Yusof (1996), *op.cit.*, h. 93.

scratus tahun.⁸⁶ Caruman Takaful boleh dibuat secara sekaligus atau secara beansur ansur sebelum manfaat *ma'asyi* dibayar oleh Syarikat. Sumbangan Takaful jenis ini juga dilaburkan oleh Syarikat Takaful Malaysia dan pulangannya, jika ada, akan dibahagikan berdasarkan perkongsian untung mengikut perinsip *al-mudārabah* pada nisbah 80% kepada peserta dan 20% kepada STMB. Kumpulan wang dalam Takaful Keluarga Akaun Ma'asyi ini dibahgikan kepada AP (Akaun Peserta) dan Akaun Waqaf Ma'asyi (AWM). Bahagian sumbangan takaful yang dikreditkan dalam AWM adalah mengikut amaun yang tetap sepanjang tempoh iaitu 10 tahun, 15 tahun atau 20 tahun ikut mana-mana tempoh *waqaf* yang dipilih oleh peserta.⁸⁷ Lebih singkat tempoh *waqaf* yang dipilih maka lebih banyak manfaat *ma'asyi* yang diperolehi sebagai pendapatan tetap peserta sepanjang tempoh penyertaan. Manfaat takaful ini akan dibayar daripada kedua-dua akaun, AP dan AWM. Dalam pelan ini *mudārabah* berlaku antara peserta sebagai pembekal modal dan Syarikat sebagai *mudārib* yang melaburkan modal berkenaan. Keuntungannya dimasukkan ke dalam AP dan AWM dan keuntungan yang menjadi bahagian *mudārib* akan dimasukkan ke dalam akaun STM menjadi hak pemegang syer.⁸⁸

- i. Pelan Takaful *Waqaf*. Pelan takaful jenis ini bertujuan untuk membolehkan seseorang peserta merancang program kewangan

⁸⁶ STMB (t.t), *Risalah Pelan Takaful Ma'asyi*, para 2

⁸⁷ *Ibid.*, h. 4.

⁸⁸ *Ibid.*, h. 3.

mengikut kemampuannya dengan tujuan membantu golongan yang susah melalui amalan *waqaf*. Peserta boleh mengumpulkan wang secara beransur-ansur dalam tempoh pilihannya yang boleh disumbangkan sebagai *waqaf*. Amaun ansurans takaful adalah bergantung kepada pilihan peserta dan mengikut kemampuannya. Namun demikian STMB menetapkan bahawa amaun minimum ialah RM10 sebulan. Seperti caruman dalam pelan Takaful Keluarga yang lain, wang caruman dipecahkan kepada AP dan AKP. Sebahagian besar wang caruman itu dikreditkan dalam AP untuk tabungan *waqaf*, manakala bakinya dimasukkan ke dalam AKP sebagai *tabarru'* untuk tujuan khairat kematian.⁸⁹ Semua wang itu dikira sebagai modal *muðarabah*, di mana peserta sebagai pemilik modal dan STMB bertindak sebagai *muðarib*. Caruman dan semua keuntungan pelaburan wang dalam Akaun AP akan dijadikan harta *waqaf*. Perolehan manfaat takaful di bawah pelan ini, sama ada disebabkan peserta meninggal dunia sebelum tempoh pelan matang atau genap tempohnya akan dibayar terus oleh STMB kepada institusi yang akan menerima *waqaf* peserta itu. Institusi, di mana peserta boleh mewaqafkan manfaat pelan takaful waqaf yang mereka sertai ialah Tabung Pembinaan Masjid (yang diluluskan oleh Majlis/ Jabatan Agama Negeri sahaja, Tabung/ Rumah Anak Yatim, Tabung Bantuan Pelajaran, Yayasa Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan Lembaga Tabung Haji (Tabung Kebajikan Jemaah Haji)).⁹⁰ Dalam

⁸⁹ STMB (t.t), *Risalah Pelan Takaful Waqaf*, para 3

⁹⁰ *Ibid.*

operasi pelan takaful jenis ini STMB berhak mendapat bahagiannya dalam keuntungan pelaburan harta untuk *waqaf* itu mengikut kadar yang telah dipersetujui sebagai *mudārib*.

Semua caruman peserta dalam Pelan Takaful Keluarga ini adalah dianggap sebagai harta *wadī'ah*. Namun demikian dalam takaful jenis ini, selain daripada pelan Takaful Ma'asyi, wang caruman peserta dipecahkan kepada dua akaun iaitu AP dan AKP. Dalam pelan Takaful Ma'asyi dipecahkan kepada akaun AP dan AWM. Semua wang dalam AKP ini dianggap sebagai *tabarru'*. AKP ini diwujudkan dengan mengambil beberapa peratus daripada wang dalam caruman peserta. Manakala dalam Takaful Ma'asyi wang caruman juga dipecahkan kepada dua akaun iaitu AP dan AWM.

III. Pemegang Syer .

Dalam STMB kumpulan wang pemegang syer ini digunakan untuk pelaburan, sebagai modal dan juga sebagai wang perbelanjaan pengurusan syarikat. Semua perbelanjaan pengurusan syarikat seperti gaji, sewa pejabat, pembelian pelbagai peralatan, dan belanja mengurus yang lainya tidak ditanggung oleh kumpulan wang takaful, sebaliknya ia hanya ditanggung oleh kumpulan wang pemegang syer sahaja.⁹¹ Pemegang syer terbesar ialah BIMB Holding Berhad dengan peratus syer yang dipegang sebanyak 65.57% diikuti oleh Al-Wakalah Nominees (Tempatan) Berhad dengan pegangan syer sbanyak 8.68% dan selebihnya dipegang oleh 18 buah badan korporat dan Majlis Agama Islam negeri-negeri di Malaysia.⁹² Ini bererti kos pengurusan perniagaan *mudārabah* keseluruhannya adalah ditanggung oleh STMB yang bertindak

⁹¹Mohd. Fadhl Yusof(1996) , *op.cit.*, h. 56.

⁹² STMB (1998) , *Laporan Tahunan*, h. 32-33.

sebagai *mudārib* dalam masa yang sama juga menjadi rakan kongsi perniagaan bersama para peserta sebagai pemilik modal *mudārabah*.

Semua wang caruman atau sumbangan takaful yang dibuat oleh peserta sebagai bayaran bagi menyertai pelbagai pelan takaful adalah merupakan modal pelaburan yang dibuat berasaskan kontrak *mudārabah* iaitu berkongsi untung antara peserta dan STMB. Wang yang ada dalam kedua-dua akaun, Takaful Am dan Takaful Keluarga dilaburkan bersama dalam berbagai-bagai bidang pelaburan. Keuntungan daripada pelaburan dana Takaful Keluarga dalam Akaun Peserta (AP) dan juga pelaburan daripada Akaun Khas Peserta (AKP) diagihkan pada kadar 70% untuk peserta dan 30% untuk STMB. Wang daripada AKP yang merupakan wang pemberian secara *tabarru'* juga dilaburkan bersama dengan kumpulan wang takaful yang lain daripada akaun AP dan wang pemegang syer.⁹³

Semua keuntungan daripada akaun *tabarru'* ini akan dimasukkan ke dalam kumpulan yang sama bagi menambahkan jumlah wang *tabarru'* yang boleh digunakan bagi tujuan membayar manfaat takaful kepada peserta yang dilanda musibah. Wang daripada Kumpulan Wang Takaful ini jugalah yang digunakan untuk tujuan pengendalian takaful yang lain seperti bayaran perolehan manfaat ketika penyertaan takaful matang atau apa-apa bayaran manfaat yang sama dengannya dan kos takaful semula.⁹⁴

Tujuan utama pelaburan wang takaful adalah untuk mendapat untung, sesuai dengan akad *mudārabah* yang berlaku antara peserta dan STMB. Peserta takaful berhak untuk sama-sama berkongsi untung daripada perniagaan takaful sebagai pemilik modal dan membantu mengembang serta menambahkan harta-

⁹³ Mohd Fadzli Yusof (1996) , *op. cit.* , h. 73.

⁹⁴ *Ibid.*, h. 56.

atau aset kumpulan-kumpulan wang yang terbabit. Daripada keuntungan yang meningkat dan terkumpul, aset kumpulan wang akan berkembang. Mengembang dan membesarakan aset adalah selaras dengan tuntutan Islam. Islam menghendaki supaya harta dikembangkan. Oleh yang demikian wang tidak boloh dibiarkan beku. Oleh itu wang caruman peserta yang terkumpul dalam pegangan STMB tidak wajar dibiarkan dalam kumpulan wang takaful tanpa dilaburkan.⁹⁴

2.2. Bidang pelaburan STMB

Bidang-bidang pelaburan yang disertai oleh STMB adalah meliputi sektor-sektor hartanah, saham, kemudahan pembiayaan, pelaburan dan simpanan di bank dan instrumen pelaburan lain yang disediakan khas untuk perbankan Islam. Oleh kerana STMB tidak mempunyai lesen untuk menjalankan beberapa aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh bank, maka dalam melaksanakan urusniaga secara BBA, STMB mengendalikannya melalui cara bersendiket (*syndicate*) iaitu dengan cara syarikat menyerahkan wang untuk pelaburan tersebut kepada Bank Islam atau mana-mana bank yang mengendalikan skim perbankan SPI. Bank berkenaan mengambil komisyen daripada ursniaga tersebut. STMB juga melabur dalam bil-bil penerimaan secara Islam dengan cara membelinya di pasaran.⁹⁵ Aktiviti pelaburan takaful dibuat dalam BIMB, dan Akaun Mudharabah dalam bank-bank SPI.

2. 3. Agihan keuntungan kepada peserta Takaful.

a. Takaful Am

Bagi perniagaan Takaful Am, apa-apa keuntungan yang diperoleh akan

⁹⁵ Temubual: Encik Faizul bin Shaharudin , Pegawai Pelaburan Syarikat Takaful Malaysia , Tingkat 2, Blok Annex , Menara Tun Razak , Jalan Raja Laut , Kuala Lumpur , 22 hb. Jun. 1999.

ditentukan daripada pergerakan dan operasi Kumpulan Wang Takaful Am. Daripada keuntungan yang diperolehi itu perkongsian akan dibuat mengikut nisbah yang dipersetujui. Jika nisbah agihan keuntungan itu 50-50, maka 50% daripada keuntungan tersebut akan diagihkan kepada semua peserta yang layak. Manakala 50% selebihnya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pemegang Saham sebagai hak syarikat.⁹⁶ Peserta yang layak menerima agihan keuntungan ini ialah peserta yang telah tamat tempoh takaful dan dalam tempoh takaful berkenaan berkuatkuasa, peserta berkenaan tidak membuat apa-apa tuntutan atau menerima perolehan manfaat. Ertinya peserta berkenaan tidak terkena sebarang musibah. Peserta yang menamatkan penyertaan dalam skim Takaful Am sebelum tamat tempoh juga tidak layak menerima agihan keuntungan.⁹⁷

Keuntungan hanya akan diberi kepada peserta yang telah menamatkan tempoh matang penyertaannya dalam pelan takaful berkenan dan setelah dipastikan oleh pihak STMB bahawa ada lebihan wang dalam Kumpulan Wang Takaful Am. Ini dilakukan setelah ditolak wang rizab dan pembayaran tuntutan manfaat takaful kepada peserta atas kerosakan atau kehilangan atau apa-apa musibah yang menimpa peserta. Lebihan daripada kedua kos itulah yang akan dikira sebagai keuntungan dalam bulan itu yang boleh agihkan kepada peserta.⁹⁸

Keuntungan takaful am dikira secara bulanan, namun untuk seseorang peserta itu, kepadanya hanya akan diberi keuntungan untuknya mengikut keuntungan yang didapati pada bulan yang mana tempoh pelan yang disertainya

⁹⁶ Mohd. Fadzli Yusof (1996) , *op. cit.*, h. 69.

⁹⁷ *Ibid.* h. 70.

⁹⁸ *Ibid.* h. 51.

tamat. Kerana itu bagi mana-mana peserta yang tamat tempoh matang takafulnya pada bulan Januari sesuatu tahun dia akan menerima keuntungan yang diperolehi oleh takaful am pada bulan Januari tahun berikutnya, begitulah juga bagi peserta yang menamatkan takaful pada bulan-bulan yang lainnya. Ini kerana skim Takaful Am khususnya takaful kebakaran dan kenderaan berkuatkuasa selama dua belas bulan.⁹⁹

b. Takaful Keluarga

Takaful Keluarga juga dilaksanakan dengan menggunakan kontrak *mudārabah* antara peserta sebagai pemilik modal dan STMB sebagai *mudārib*. Keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan takaful yang dijalankan oleh syarikat akan diagihkan antara syarikat dan peserta. Perkongsian untung ini dibuat berasaskan kepada nisbah yang dipersetujui semasa cadangan menyertai pelan takaful dibuat oleh peserta.¹⁰⁰ Jika nisbah itu 6:4 atau 7:3 maka apa-apa perolehan keuntungan akan dibahagi atau dikongsi 60% atau 70% kepada peserta sementara baki 40% atau 30% lagi kepada syarikat. Produk utama yang disediakan di bawah Takaful Keluarga adalah pelan takaful yang mempunyai kontrak jangka panjang dan mempunyai tempoh matang antara 10, 15, 20, 25, 30, 35 dan 40 Tahun.¹⁰¹ Oleh itu pulangan pelaburan adalah faktor penting dalam menentukan kemajuan urusniaganya.

Peserta Pelan Takaful Keluarga yang memilih mana-mana satu daripada tempoh di atas membayar caruman takaful secara beransur-ansur sepanjang tempoh penyertaan. Amaunnya bergantung kepada kemampuan masing-

⁹⁹ *Ibid.*, h. 70.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h.71

¹⁰¹ *Ibid.*, h.72.

masing. Caruman ini adalah sama seperti modal dalam kotrak *mudārabah*. Sejajar dengan konsep takaful maka sebahagian kecil daripada modal ini akan dijadikan *tabarru'* atau sumbangan daripada peserta sewaktu cadangan atau permohonan menyertai pelan Takaful Keluarga dibuat. Semua caruman yang dibayar secara beransur-ansur itu dimasukkan ke dalam dana khas yang dipanggil Kumpulan wang Takaful Keluarga. Caruman yang terkumpul dalam AP adalah modal simpanan yang menjadi hak peserta. Peserta boleh mengetahui maklumat baki wang yang terkumpul di dalamnya pada bila-bila masa. Sementara bahagian wang yang terkumpul di dalamnya pada bila-bila masa. Sementara bahagian *tabarru'* adalah kumpulan wang yang terkumpul dalam AKP. AKP boleh dianggap sebagai tabung kebajikan khairat kematian untuk sesama peserta. Jika belaku sesuatu musibah yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya anggota badan ke atas mana-mana peserta, maka sumbangan *tabarru'* daripada semua peserta akan dibayar sebagai bantuan kewangan kepada peserta yang malang itu.¹⁰²

Sebagai sebuah badan yang terlibat secara lansung dalam perniagaan, wang dalam AP dan AKP akan diperniagakan oleh STMB dalam pelbagai bidang. Tujuannya supaya Kumpulan Wang Takaful Keluarga dapat memperolehi pulangan. Pulangan inilah yang dikira sebagai perolehan keuntungan Takaful Keluarga. Kadar agihan keuntungan *mudārabah* adalah tertakluk kepada kadar yang telah dipesetujui dalam kontrak *mudārabah* dibuat antara peserta dan STMB. Nisbah perkongsian untung Pelan Takaful Keluarga mengikut tempoh matang ialah 7:3 , yang menunjukkan 70% daripada keuntungan adalah menjadi hak peserta sementara baki 30% peratus lagi di masukkan ke dalam Kumpulan

¹⁰² *Ibid*

Wang Pemegang Syer sebagai hak STMB. Bahagian untung 70% yang menjadi hak peserta itu dimasukkan ke dalam AP dan AKP. Jumlah peratus wang yang akan dimasukkan ke dalam AKP adalah dibuat berasaskan ketentuan mengenai *tabarru'* yang telah diakujanji oleh peserta semasa menyertai pelan takaful.¹⁰³

Kaedah pengagihan untung kepada AP dan AKP ini adalah dikira mengikut sistem baki yang diberatkan (*weighted balance*).¹⁰⁴ Bagi maksud ini, AP dibahagikan kepada 12 kumpulan mengikut tempoh caruman takaful berada dalam AP. Tiap-tiap kumpulan diberatkan bersamaan dengan tempoh. Tujuannya untuk mempastikan keuntungan yang diperuntukkan itu selaras dengan tempoh ansuran caruman takaful berada dalam AP. Dengan cara ini caruman takaful yang lebih lama dalam AP akan memperolehi keuntungan yang lebih besar berbanding dengan yang baru. Berpandukan kepada kaedah ini kadar untung bagi tiap-tiap kumpulan dapat dikira pada tiap-tiap bulan apabila STMB menutup akaunnya pada tiap-tiap bulan. Walaupun kadar untung ditentukan tiap-tiap bulan, ia adalah untuk kiraan setahun. Keuntungan yang sebenarnya hanya dikreditkan ke dalam AP setahun sekali selepas berakhirnya tahun kewangan STMB. Dengan menggunakan kaedah mengira kadar untung tiap-tiap bulan, maka keuntungan boleh dibayar kepada peserta yang menamatkan kontrak dalam pelan Takaful Keluarga sebelum sampai tempoh yang ditentukan. Ini bermakna peserta dalam Takaful Keluarga tidak hilang wang caruman disamping tetap berhak mendapat untung sekalipun penyertaannya hanya separuh jalan.¹⁰⁵

¹⁰³ *Ibid*

¹⁰⁴ *Ibid.*, h. 73.

¹⁰⁵ *Ibid.* 73.

Dalam *sīqh* mazhab Syafī'i dinyatakan bahawa jika pemilik modal menarik balik sebahagian daripada modal miliknya semasa perniagaan sedang berjalan, maka dalam hal ini jika perniagaan itu memperolehi keuntungan, maka ia bermakna pemilik modal itu mengambil sebahagian modal dan keuntungannya sekali. Demikian juga jika pada masa itu perniagaan sedang mengalami kerugian, maka pengambilan kembali sebahagian daripada modal itu juga bererti mengambilnya bersama dengan kerugian.¹⁰⁶

2. 4. Kelayakan menerima agihan keuntungan *mudārabah*

Peserta takaful sama ada individu atau badan korporat akan hanya berhak menerima agihan keuntungan *mudārabah* dalam perniagaan Takaful Am apabila ia memenuhi syarat-syarat berikut:¹⁰⁷

- i. Sehingga tempoh sijil pelaburan matang, khususnya bagi Takaful Am seperti enam bulan dan satu tahun untuk Takaful Kenderaan dan satu tahun untuk Takaful Kebakaran
- ii. Akad tidak putus dalam tempoh matang yang ditetapkan. Peserta tidak keluar daripada ikatan kontrak takaful sehingga tempoh berkuatkuasanya kontrak takaful berakhir.
- iii. Tidak menerima manfaat takaful. Peserta tidak mengalami apa-apa musibah seperti kemalangan, kebakaran kecurian dan sebagainya. Maknanya peserta takaful yang telah menerima pampasan atau manfaat takaful tidak lagi diberi keuntungan *mudārabah*.

Manakala dalam Takaful Keluarga pula ianya adalah bergantung kepada jenis pelan takaful yang disertai oleh seseorang atau sesuatu institusi. Jika pelan

¹⁰⁶ al-Nawawi, (1338H), *op.cit.*, h. 74.

¹⁰⁷ Mohd. Fadzli Yusof (1996), *op. cit.*, h. 69-70.

takaful keluarga yang disertainya itu meletakkan semua caruman sebagai *tabarru'* maka hak mendapatkan keuntungan adalah sama seperti peraturan dalam Takaful Am di mana jika peserta menarik diri dipertengahan tempoh takaful berkenaan, ia tidak berhak mendapat sebarang keuntungan, misalnya seperti Takaful Gadai Janji, Takaful Rawat dan Takaful Keluarga Berkelompok (kredit). Sebaliknya jika pelan takaful yang disertainya itu meletakkan wang caruman peserta kepada dua akaun iaitu AP dan AKP, dalam pelan takaful jenis ini sekalipun peserta itu menarik keluar wangnya dan berhenti daripada menyertai pelan takaful berkenaan, dia tetap berhak mendapat bahagian dalam perkongsian untung berasaskan tempoh masa wang miliknya dilaburkan oleh STMB.¹⁰⁸

3. Bank Rakyat

3.1. Pengenalan

Bank Rakyat ditubuhkan pada tahun 1954.¹⁰⁹ Bank ini telah mula menawarkan kemudahan kewangan secara Islam mulai tahun 1993.¹¹⁰ Ia merupakan sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti bank dengan menerima deposit dalam bentuk *wadi'ah* dan *mudārabah* dan memberi kemudahan pinjaman persendirian, pertanian, harta tanah, perdagangan, sewa-pajak dan lain-lain pembiayaan. Dalam Bank Rakyat sekalipun wang yang diterima oleh Bank, khasnya untuk akaun pelaburan adalah dalam bentuk akad *mudārabah*, namun dalam operasinya semua wang modal pelaburan dimasukkan dalam satu kumpulan yang dipanggil "kolam dana".¹¹¹

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 74.

¹⁰⁹ Bank Rakyat (1998), *op.cit.*, bil. 1, h. 4.

¹¹⁰ Nor Mohamed (1996) , *op.cit.*, h. 122.

¹¹¹ Temubual : Ustaz Salehuddin bin Yacob, Setiausaha Badan Pengawasan Syariah Bank Rakyat, Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur, pada 12.10. 1998.

Dalam melaburkan wang itu untuk mendapatkan keuntungan, operasinya adalah berlaku secara yang terbuka iaitu dalam kontarak *murabahah*, *ijārah*, *bay' al-'inah*¹¹² dan gadaian. Semua keuntungan yang diperolehi daripada pelbagai jenis kontrak mu'amalah itu disatukan dan diagihkan semula, kepada penyimpan dalam akaun *mudārabah* keuntungan diberi mengikut perjanjian kontrak *mudārabah* yang dibuat antara Bank Rakyat dan pelanggan berkennaan. Kepada pemegang akaun simpanan *wadī'ah*, bank tidak terikat untuk mengagihkan keuntungan kepadanya. Apa yang diberikan kepada pemegang akaun ini hanya dalam bentuk *hibah* yang dibuat atas budibicara Bank secara sukarela. Dalam tahun 1996 Bank menerima deposit dalam bentuk akuan *mudārabah* sebanyak RM 1,633,034 daripada jumlah deposit keseluruhan yang diterima dalam tahun itu sebanyak RM4,359,808.¹¹³

3.2. Penerimaan dana *mudārabah*

Dalam Bank Rakyat penerimaan dana *mudārabah* berlaku dalam dua bentuk iaitu *Mudārabah khas* dan *Mudārabah Am*.

i. Mudharabah Khas

Mudārabah Khas adalah suatu kontrak *mudārabah* yang melibatkan modal yang besar, tidak kurang daripada RM500.000. Dalam perniagaan Bank Rakyat dengan Mudharabah Khas, setakat ini pembekal modalnya adalah sebuah institusi iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM) di mana YPEIM menyerahkan wang kepada Bank Rakyat untuk Bank menggunakan bagi

¹¹² Menurut al-Rāfi'i *bay' al-'inah* ialah menjual sesuatu barang pada harga tertentu dengan pembayaran secara bertangguh dan menyerahkan barang itu kepada pembeli. Sebelum menerima harga barang itu daripada pembeli, si penjual membeli kembali barang itu dengan bayaran secara tunai pada kadar yang lebih rendah. Lihat al-Syawkani (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 207.

¹¹³ Bank Rakyat (1966), *Laporan Tahunan*, h. 42.

menjalankan aktiviti pajak gadai. Antara Bank dan YPEIM berlaku kontrak *mudārabah*, di mana pendapatan daripada operasi sebagai pemegang gadai akan diagihkan antara Bank sebagai *mudārib* dan YPEIM sebagai pemilik modal. Pihak Bank memberi pinjaman *al-gard al-hasan* kepada penggadai dengan mengambil upah menyimpan barang kepunyaan penggadai. Upah ini dianggap sebagai keuntungan dan diagihkan antara Bank dan YPEIM pada kadar 50%-50%. Setakat ini Bank hanya menerima gadaian barang emas sama ada yang berbentuk jongkong atau barang perhiasan. Upah menyimpan diambil berdasarkan nilai harta gadaian. Barang yang bernilai RM 1 hingga RM 1,000 upah yang diambil ialah RM 0.40 sebulan ; RM 1,000 hingga RM 5,000, upah yang diambil ialah RM0.50 sebulan dan bagi barang gadaian yang bernilai RM 5,001 hingga RM 10,000 upahnya sebanyak RM0.60 sebulan.¹¹⁴

ii. Mudharabah Am

Mudārabah Am ini berlaku antara Bank dan semua pelanggan lain selain daripada institusi yang membekalkan modal untuk bermudārabah secara khas dan pedeposit dalam Akaun al-Wadi'ah. Mudharabah Am ini bermaksud pendeposit menyerahkan wang mereka kepada Bank untuk dipermiagakan oleh Bank dan keuntungan daripada operasi perniagaan Bank ini akan dibahagikan antara Bank sebagai *mudārib* dan pendeposit sebagai pemilik modal. Kadar pembahagian keuntungan ialah 50%-50%.¹¹⁵

¹¹⁴ Nor Mohamed (1996) , *op.cit.* , h. 126.

¹¹⁵ Temubual: Encik Azman bin Ahmad , Pegawai Operasi Bank Rakyat , Cawangan Shah Alam , 22. 6. 1999.

3.3. Pembiayaan pelanggan

Untuk mendapat apa-apa juga jenis pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank Rakyat sama ada BBA, *murabahah*, *bay' al-*īnah** dan sebagainya, pelanggan dikhendaki menyediakan sekurang-kurangnya RM 500 sebagai ahli koperasi. Keahlian ini dikhususkan kepada bumiputera. Bagi pelanggan bukan bumiputera, mereka juga boleh mendapatkan pembiayaan Bank seperti BBA atau *bay' al-*īnah** tetapi keuntungan yang diambil oleh Bank ke atas pembiayaan yang diberikan kepada mereka 1% lebih tinggi daripada keuntungan yang diambil daripada pembiayaan yang diberikan kepada ahli-ahlinya.¹¹⁶ Bank Rakyat setakat ini tidak berperanan sebagai pembekal modal dalam kontrak *mudārabah*. Ini bererti bahawa pelanggan atau ahli Bank tidak berpeluang untuk mendapatkan pembiayaan daripada Bank Rakyat untuk menjalankan sesuatu aktiviti ekonomi secara *mudārabah*.¹¹⁷

3.4. Bidang pelaburan

Penggunaan dana *mudārabah* yang diperoleh oleh Bank daripada pendeposit dalam bidang-bidang pembiayaan adalah dibuat dalam instrumen-instrumen kewangan yang boleh memberikan pulangan tunai yang tetap, dapat ditentukan dan dikira setiap bulan seperti BBA, *murabahah*, *bay' al-*īnah** dan sebagainya. Di mana perniagaan secara *mudārabah* tidak dapat memenuhi keperluan ini. Dalam *mudārabah* pulangannya tidak dapat dipastikan dan keuntungan hanya dapat dibahagikan secara muktamad setelah perojek atau perniagaan *mudārabah* itu tamat. Situasi sedemikian tidak memungkinkan Bank membahagikan keuntungan setiap bulan. Jika mengalami lebihan wang, bank

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ *Ibid.*

akan melaburkannya dalam bank-bank lain sama ada Bank Islam atau bank-bank lain yang menawarkan skim perbankan SPI.¹¹⁸

Dalam memperniagakan modal *mudārabah* yang diterimanya, Bank Rakyat lebih berkeyakinan untuk menggunakan kaedah-kaedah perniagaan yang lain iaitu BBA, *murabāhah*, *bay' al-dayn*, *bay' al-'inah*, gadaian, bil-bil penerimaan Islam dan lain-lain instrumen kewangan Islam yang selamat dan kurang terdedah kepada risiko kerugian. Adalah dipercayai bahawa Bank Rakyat tidak bersedia untuk menggunakan kaedah *mudārabah* dalam pembiayaan kewangannya kerana penggunaan kaedah *mudārabah* dalam perkara itu tidak memungkinkan Bank untuk mendapat kepastian tentang jumlah keuntungan yang akan diperolehi disamping tiada jaminan terhadap keselamatan modal yang dikeluarkan. Jika projek perniagaan yang dilakukan oleh seseorang *mudārib* itu menemui kegagalan atau terbengkalai, maka modal yang dikeluarkan oleh Bank untuk menjalankan projek perniagaan itu akan hangus, tanpa sebarang jaminan. Untuk mempastikan semua aktiviti perniagaan Bank Rakyat tidak bertentangan dengan prinsip syari'ah terutama dalam menggunakan produk-produk baru, maka sebelum sesuatu produk kewangan itu dilaksanakan terlebih mesti mendapat kelulusan daripada Majlis Pengawasan Syariah Bank Rakyat. Ahli-ahli Majlis Pengawasan Syariahnya terdiri daripada Dato' Hashim Yahya, Mufti Wilayah Persekutuan sebagai pengurus dan ahli-ahli lain ialah Dato' Harussni, Mufti Negeri Perak, Datuk Hasan Haji Ahmad, Mufti Pulau Pinang, Dato' Mukhtar

¹¹⁸ *Ibid.*

Shaf'i'i, Dr. Abdul Halim al-Muhammadi dan Ustaz Salehuddin Yaacob sebagai Setiausaha.¹¹⁹

4. Lembaga Tabung Haji

4.1. Latar belakang penubuhannya

Lembaga Tabung Haji adalah sebuah Badan Berkanun ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1962 hasil daripada cadangan yang dibuat oleh Prof. Diraja Ungku Aziz tiga tahun sebelumnya iaitu dalam tahun 1959, ketika itu beliau menjadi Dekan Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya. Cadangan itu dibuat dalam kertas kerja yang ditujukan kepada kerajaan. Dalam kertas kerja itu beliau telah mengemukakan rancangan untuk memperbaiki ekonomi bakal-bakal Haji. Beliau juga mencadangkan supaya orang Melayu mengumpulkan wang untuk ke Makkah dengan menyimpan dalam satu tabung atau lembaga yang dikawal penuh oleh kerajaan.¹²⁰

Reaksi kerajaan kepada cadangan itu, satu Jawatankuasa Ekonomi Bakal-bakal Haji diwujudkan. Hasil daripada laporan jawatankuasa berkenaan dalam kertas putih 22/62, terbentuklah sebuah perbadanan yang dikenali sebagai "Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji" di bawah Akta Parlimen, bilangan 34/ 62 yang berkuatkuasa pada 1 haribulan November 1962. Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji mula bergerak pada 1 April 1963. Perbadanan ini mula menerima simpanan umat Islam pada 30 September 1963.¹²¹ Orang pertama menyimpan dalam perbadanan ini ialah Prof. Ungku Aziz sendiri.¹²²

¹¹⁹ Temubual: Ustaz Salehuddin bin Yacob, Setiausaha Majlis Pengawasan Syariah Bank Rakyat, Bangunan Bank Rakyat , Jalan Tangsi , Kuala Lumpur, pada 12 10, 1998.

¹²⁰ LUTH (t.t.), *Buku Penerangan* Kuala Lumpur: Jiwarbu Sdn Berhad, h.5.

¹²¹ LUTH (1987) , *25 Tahun Tabung Haji*, Kuala Lumpur, h. 4.

¹²² LUTH, *Laporan 10 Tahun Tabung Haji*, 1963-1973, h. 8.

Pada 8 hb. Ogos 1969 badan ini dicantumkan dengan Jabatan Hal Ehwal Urusan Haji yang telah beroperasi sejak tahun 1951. Dengan itu lahirlah satu perbadanan yang dikenali dengan " Lembaga Urusan dan Tabung Haji" (LUTH) di bawah Akta 8/1969.¹²³ Lembaga ini menggabungkan tugas-tugas Pejabat Urusan Haji di Pulau Pinang dan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji. Dengan ini menjadi tugas Lembaga menguruskan suatu kumpulan wang nutuk menyelenggara dan menggunakan wang simpanan pendeposit untuk memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan orang-orang yang menunaikan haji ke Tanah Suci (Makkah) dan urusan-urusan yang berkaitan dengannya.¹²⁴ Pindaan ke atas Akta 8/ 1969 yang diluluskan pada tahun 1973 yang dinamakan dengan "Akta Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (pindaan) A 168/1973" yang memberi kuasa kepada LUTH untuk mengendalikan pengangkutan bakal-bakal haji ke Tanah Suci dengan kapalterbang. Pada 1 hb Jun 1995 akta baru iaitu Akta 535 Lembaga Tabung Haji 1995 dikuatkuasakan. Akta 8 tahun 1969 dan Akta 168 (Pindaan) 1973 dimansuhkan. Serentak dengan itu nama Lembaga Tabung Haji (LTH) diperkenalkan bagi menggantikan nama lama iaitu Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH).¹²⁵

Lembaga Tabung Haji yang wujud sebagai sebuah badan berkanun dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tertakluk kepada Akta penubuhannya,Lembaga Tabung Haji boleh mendapatkan harta dengan membeli, mengambil, memegang dan menggunakan harta alih atau tak alih dan hak-hak lain seperti yang dinyatakan dalam perkara 3(1) Akta penubuhannya.

¹²³ LUTH (1987) , *op.cit.*, h. 9

¹²⁴ *Ibid*

¹²⁵ LTH (1997) , *Berita Tabung Haji*, bil. 7, h. 4

Dengan kedudukannya sebagai sebuah badan berkanun, maka struktur penubuhannya adalah berbeza daripada badan-badan kewangan yang lain sama ada milik perscorongan atau syarikat. Sejak penubuhannya hingga ke hari ini Tabung Haji telah berkembang dengan pesat, bermula dengan hanya 1,281 orang pendeposit pada tahun 1963, dengan tabungan sebanyak RM 0.6 juta.¹²⁶ Jumlah pendeposit Tabung Haji, sehingga 30 April 2001 berjumlah 4,503391 orang.¹²⁷ Setakat bulan Disember 1996 simpanan pendeposit berjumlah RM 4,272,127,407.¹²⁸

4.2. Jenis deposit

Dalam pembentukan awal LTH tidak wujud elemen syarikat atau *mudārabah* kerana tidak wujud modal asal dalam penubuhannya. Cuma setelah perbadanan ini terbentuk dan mula mendapatkan pendeposit, barulah wujud suatu bentuk kontrak di antara LTH dengan pendepositiya. Simpanan wang pendeposit adalah dilakukan dalam struktur tabungan pelaburan. Kepada setiap pendeposit dimaklumkan oleh LTH bahawa wang simpanannya akan dilaburkan. Maka dalam kedudukan ini hubungan di antara penyimpan dan LTH merupakan satu kontrak perwakilan dan amanah, di mana LTH bertindak sebagai pemegang amanah dan wakil melaburkan wang pendeposit-pendepositiya. Dalam perkara ini Tabung Haji hanya menwarkan akuan tabungan *al-wadī'ah* untuk orang Islam sahaja dalam bentuk *wadī'ah yad al-damānah*. LTH menjamin keselamatan wang pendepositiya dan hanya disediakan untuk orang Islam sahaja,¹²⁹ dan tiada tabungan *mudārabah* dalam LTH.

¹²⁶ Mustapa Muhammed (1995), *op. cit.*, h.35.

¹²⁷ Maklumat daripada Tuan Haji Muhammad Zaini Hasan, Pengurus Penerbitan, Bahagian Komunikasi Koperat, LTH.

¹²⁸ LTH (1996), *Penyata Kewangan*, h. 18.

¹²⁹ BNM (1996), *op.cit.*, h. 16.

4.3. Pelaburan LTH

Penglibatan LTH dalam bidang ekonomi telah meluas kepada pelbagai bidang pelaburan mewujudkan perlindungan, perkilangan, pengangkutan, harta tanah, perbankan, insurans dan sebagainya. Dalam meletakkan modal pelaburannya LTH memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai rekod yang baik dan pada masa yang sama mempunyai potensi untuk memberikan pulangan yang tinggi. LTH juga telah menyertai projek-projek pembangunan infrastruktur negara di mana LTH juga telah terlibat dengan pelbagai projek nasional seperti Sistem Aliran Ringan(LRT), projek Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) di Sepang dan Lebuh raya Pantai Timor. Dari segi pemilikan harta LTH muncul sebagai sebuah pemilik harta tanah terbesar di Malaysia dengan 62 bangunan milik sendiri dan sejumlah "bank tanah" untuk dimajukan. LTH juga mempunyai hospital sendiri di Makkah dan Madinah.¹³⁰

4.4. Instrumen pelaburan Islam yang digunakan dalam LTH.

Pelaburan yang dibuat oleh LTH dalam sektor pasaran wang tertumpu kepada pelaburan-pelaburan berikut:

Jenis Pelaburan	Konsep
Sijil Pelaburan Kerajaan	<i>al-Qard al-Hasan</i>
Bil Penerimaan Islam	<i>al-Murabahah</i>
Pelaburan Am/khas	<i>al-Mudārabah</i>
Pelaburan Komoditi	<i>al-Murabahah</i>

Sebahagian besar pelaburan pasaran wang adalah dalam sijil pelaburan kerajaan. LTH meyertai pelaburan secara *mudārabah* dalam pembelian Bon Mudharabah Cagamas. Dalam tahun 1994 dan 1995 LTH terlibat dengan

¹³⁰Mustapa Muhammad (1995) , *op.cit.*,h. 32.

pembelian bon ini sebanyak satu juta ringgit setiap tahun.¹³¹ Mengenai pelaburan Khas al-Mudharabah LTH telah melaburkan RM 2,500,000 pada tahun 1995 berbanding pelaburan dalam *al-bay** *bithaman ajil* sebanyak RM136, 633, 348 dan Sijil Pelaburan Kerajaan yang dibuat berasaskan prinsip *al-gard al-hasan* sebanyak RM 1,304, 844, 990.¹³² Pada tahun 1996 pelaburan Khas al-Mudharabah oleh Kumpulan Tabung Haji telah meningkat kepada RM 750,419,912.¹³³

Kontarak *mudārabah* yang berlaku dalam LTH ialah antara LTH dan institusi kewangan, khususnya Bank Islam, Syarikat Takaful Malaysia dan bank-bank SPI. Biasanya ia dibuat dalam Mudahrabah Khas iaitu kontrak *mudārabah* dengan institusi tertentu yang melibatkan modal yang melebihi daripada RM 500,000 di mana pembekalan modal dan mengambilnya kembali dibuat sekali sahaja, tidak dibuat secara beransur-ansur.¹³⁴

5 . Perwira Affin Bank

Perwira Affin Bank Malaysia Berhad (PAB) adalah antara beberapa buah bank perniagaan yang terlibat dengan pelaksanaan SPI setelah skim ini dilancarkan pada tahun 1993. Sebelum tahun 1993, bank ini dikenali dengan nama Perwira Habib Bank yang merupakan anak syarikat kepada Affin Holding. Antara pemegang saham Bank pada waktu itu ialah Bank Negara Malaysia, Syarikat Permodalan Kebangsaan(SPK) dan Habib Bank Ltd. Pakistan. Apabila Affin Holding mengambil alih kepentingan BNM dalam Perwira Habib Bank, ia menjadikan Affin Holding sebagai pemegang saham terbesar dalam Perwira Habib Bank. Setelah BNM, SPK dan Habib Bank Ltd Pakistan tidak lagi menjadi

¹³¹ LTH (1995) , *Laporan Tahunan* , h. 37.

¹³² LTH (1995) , *Penyata Kewangan* , h. 10.

¹³³ LTH (1996) , *Laporan Tahunan* , h. 9.

¹³⁴ BNM (1996), *op.cit.*, h. 21.

pemegang saham Bank, maka nama Perwira Habib Bank ditukarkan kepada Perwira Affin Bank.¹³⁵ PAB memperkenalkan akuan pelaburan *mudarabah* mulai tahun 1994 dalam usahanya menyertai pelaksanaan sistem bank secara Islam. Ini adalah produk kewangan Islam yang kedua dilaksanakan oleh PAB selepas Akaun al-Wadiah yang diperkenalkan pada tahun 1993¹³⁶

5. 1. Sumber dana *mudarabah*

Seperti Bank Islam dan bank-bank lain yang menjalankan aktiviti perniagaan bank secara Islam, PAB juga, dalam mendapatkan modal untuk bahagian SPI yang dikendalikan olehnya bagi melaksanakan aktiviti perniagaan, di mana keuntungannya akan diagihkan kepada pelanggan-pelanggan ialah melalui deposit pelanggan dalam pelbagai produk kewangan yang disediakan. Antaranya ialah Akaun Simpanan Semasa, Akaun Simpanan al-Wadiah dan Akaun Pelaburan Khas al-Mudharabah dan Akaun Pelaburan Am al-Mudharabah. Semua wang yang terkumpul dalam akaun-akaun berkenaan dilaburkan oleh bank dalam pelbagai aktiviti perniagaan bank yang terlebih dahulu dikenal pasti tidak bertentangan dengan hukum Islam. PAB mempunyai Lembaga Penasihat Syariahnya sendiri bagi mengenal pasti aktiviti perniagaan bank yang tidak bertentangan dengan hukum Islam. Ahli-ahli Lembaga Penasihat Syariah ini terdiri daripada Dr. Mohd. Daud Bakar dari UIA, Dr. Zainuddin Ja'afar dari Kolej Islam Darul Ehsan dan Dr. Hailani Muji Tahir, dari UKM¹³⁷.

Untuk mendapatkan sumber kewangan daripada pendeposit, PAB membuka peluang kepada pelanggannya sama ada ingin melabur di dalam PAB

¹³⁵ PAB (1993) , *Laporan Tahunan* , h. 5.

¹³⁶ Akhbar, Berita Harian 13. Disember 1993.

¹³⁷ Temubual: Syed Azman , Ketua Operasi Perbankan Islam Perwira Affin Bank , Tingkat 9, Wisma SPK, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, pada 10. 6 .1999

dalam bentuk perkongsian untung, di mana pelaburan ini boleh dibuat dengan menyertai pelaburan dalam Akaun Pelaburan Mudharabah. Jika tidak mahu melabur, pelanggan boleh menyimpan wang mereka di PAB dengan mendapat jaminan keselamatan wang berkenaan. Tetapi PAB tidak menjamin apa-apa pulangan kepada pelanggan untuk simpanan jenis ini.

Dalam Akaun Mudharabah, PAB menerima modal daripada pendeposit dalam bentuk kontrak *mudārabah* di mana bank sebagai *mudārib* akan melaburkan wang berkenaan dan membuat perjanjian dengan pendeposit untuk berkongsi keuntungan, jika pelaburan yang dilakukan oleh PAB itu mendapat untung. Setakat ini PAB membahagikan keuntungan *mudārabah* antara Bank dan pendeposit pada kadar 75%; 25% . 75% untuk pendeposit dan 25% untuk Bank¹³⁸

5. 2. Penggunaan dana *mudārabah*

Dalam usaha memperniagakan modal yang diterima oleh PAB daripada pendeposit dalam pelbagai produk kewangan yang disediakan oleh PAB, ia dilakukan dengan melibatkan modal berkenaan dalam pelbagai aktiviti perniagaan berpandukan kaedah-kaedah tertentu yang bersesuaian dengan kehendak syari‘ah. Namun demikian PAB tidak menggunakan kaedah *mudārabah* dalam membiayai aktiviti perniagaannya. Ertinya PAB tidak membekalkan modal kepada pelanggan untuk melakukan apa-apa perniagaan yang menggunakan prinsip berkongsi untung antara pelanggan dan Bank sebagaimana yang berlaku dalam kontrak perniagaan secara *mudārabah*. Kontrak *mudārabah* hanya berlaku antara PAB dan pendeposit iaitu pemilik modal, tetapi tidak berlaku antara Bank dan *mudārib* pengusaha. Ini bererti kontrak *mudārabah* hanya berlaku dalam

¹³⁸. *Ibid*

penerimaan modal oleh PAB, tetapi dalam penggunaan modal itu untuk tujuan operasi perniagaan, PAB tidak melakukannya secara *mudārabah*. Dalam hubungan dengan pelanggan PAB hanya berperanan sebagai *mudārib*, tidak memainkan peranan sebagai pemilik modal.

Pada prinsipnya, PAB tidak menolak kemungkinan untuk melakukan perniagaannya secara *mudārabah*. Namun setakat ini tiada perniagaan PAB yang berlaku dengan menggunakan kaedah tersebut, kecuali dalam perniagaan antara bank, di mana jika PAB mengalami lebihan wang, ia boleh disalurkan kepada Bank Islam atau mana-mana bank SPI yang mengalami kekurangan modal dengan cara berbahagi keuntungan mengikut kaedah *mudārabah*.¹³⁹

Antara aktiviti perniagaan PAB ialah pembiayaan modal secara *murābahah*, *bay' bithaman ājil*, pembiayaan umrah, ziarah, pembelian saham, pembelian komputer dan perniagaan jual beli mata wang asing. PAB tidak membataskan perniagaannya kepada beberapa jenis kontrak tertentu, di mana ia bersedia memasuki mana-mana jenis transaksi asalkan perniagaan itu halal. Setakat ini PAB juga tidak melakukan perniagaannya dengan kotrak *bay' al-īnah* dan *al-rahn*.¹⁴⁰

D. *Mudārabah* Dipakai Dalam Transaksi Yang Terjamin

Institusi kewangan Islam di Malaysia melaksanakan kaedah *mudārabah* dalam perniagaan mereka dengan cara memilih transaksi yang selamat daripada risiko kerugian sahaja yang akan dilaksanakan. Ini menjadikan pelaksanaan *mudārabah* hanya berlaku dalam beberapa aktiviti pembekalan modal sahaja. Tidak semua aktiviti perniagaan, walaupun ada potensi mendapat untung akan -

¹³⁹ *Ibid*

¹⁴⁰ *Ibid*.

dibekalkan modal secara *mudārabah* oleh institusi kewangan Islam. Jika didapati ada faktor-faktor yang mengurangkan keyakinan institusi berkenaan terhadap kemungkinan untung dan keselamatan modal yang dikeluarkan oleh mereka, mereka tidak melaksanakan sistem itu.¹⁴¹

Oleh yang demikian kontrak *mudārabah* lebih banyak berlaku di sebelah pihak sahaja iaitu dari pihak mendapatkan deposit daripada pelanggan di mana institusi kewangan Islam menawarkan kepada mereka pembahagian untung pada kadar tertentu daripada keuntungan yang diperolehi dalam perniagaan yang dibuat ke atas modal berkenaan. Sebaliknya dalam membekalkan modal berkenaan untuk membiayai keperluan kewangan pelanggan, institusi kewangan Islam lebih cenderung menggunakan kaedah perniagaan Islam yang lain seperti BBA, *murabahah*, *bay' al-'inah* dan sebagainya yang terjamin keuntungan yang tetap dan berterusan. Setakat ini bekalan modal yang dibuat oleh institusi kewangan Islam secara *mudārabah* ialah dalam bekalan modal antara bank di mana bank yang mempunyai lebihan wang membekalkan modal kepada bank yang mengalami defisit dengan berbahagi untung mengikut kaedah *mudārabah*.¹⁴²

Mudārabah antara bank dan pendeposit mudah dilakukan, begitu juga dengan *mudārabah* antara bank juga mudah dilaksanakan. Tetapi *mudārabah* antara bank dan pengusaha agak sukar dialaksanakan. Ini kerana bank tidak boleh mencampuri urusan pentadbiran projek yang dilaksanakan oleh pengusaha; tidak dapat dipastikan tentang keamanahan pengusaha berkenaan. Kontrak *mudārabah* memerlukan kepada pengusaha yang benar-benar jujur dan bersikap amanah-

¹⁴¹ Temubual: Ustaz Mohd Bakir bin Haji Mansor, Setiausaha Majlis pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad, Bangunan Wisma Takaful, Jalan Sultan Ismail, Kuala

terhadap harta modal milik orang lain yang ada dalam tangannya. Ia tidak bolch berlaku cuai, mesti benar-benar menguasai bidang kerja yang dilakukan olchnya. Kejahilan tentang projek yang dikendalikannya mendedahkan kepada risiko kerugian, yang kesemuanya akan ditanggung oleh pemilik modal.

Setiap projek perlu ada pegawai penilai yang berkepakaran untuk menilainya dari segi kemungkinan untung ruginya. Sedangkan bank perdagangan tiada pakar dalam bidang-bidang perusahaan, pembuatan dan sebagainya untuk menilai sesuatu projek sama ada ia benar-benar berdaya maju atau sebaliknya. Misalnya untuk membekalkan wang secara *mudārabah* kepada penternak udang yang meminta pembiayaan dari pada bank, bank sebagai pembekal modal harus ada maklumat yang cukup mengenai berbagai perkara tentang penternakan udang. Bank harus pastikan, melalui pakar yang berkaitan, bahawa penternak berkenaan mempunyai persediaan yang cukup sebelum dia melepaskan modal untuk membiayai projek tersebut. Persoalannya ialah Akta Bank perdagangan sendiri tidak memberarkan bank mengadakan pakar-pakar berkenaan.¹⁴³

Selain daripada itu sesuatu projek biasanya memerlukan masa yang panjang untuk menyiapkannya. Misalnya projek pembinaan, ia memerlukan masa bertahun-tahun untuk menyiapkannya. Selagi belum siap projek berkenaan, pembayaran penuh kepada *mudārib* (bank) oleh tuan punya projek belum boleh diperolehi, maka dalam tempoh itu keuntungan belum dapat dibahagikan. Keadaan ini kurang sesuai untuk perniagaan bank, kerana bank lebih cenderung untuk mendapatkan keuntungan segera dan pada kadar yang tetap.

Lumpur, 22. 7. 1999.

¹⁴² Lihat infra h. 398

¹⁴³ Lihat Akta Bank Dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Akta 372), per: 97 (1),(2) dan (3).

Antara sebab-sebab bank kurang berminat untuk membekalkan modal kepada pelanggan secara mu^qarabah.

- i. Tiada jaminan untuk mendapat untung. Projek perusahaan atau perniagaan yang dijalankan oleh *mudārib* berkemungkinan untuk mendapat untung, tetapi tiada jaminan mesti dapat untung. Apa jua bidang perniagaan, perusahaan atau pertanian adalah terdedah kepada risiko kerugian.
- ii. Tiada jaminan modal yang dilabur oleh bank akan dapat diperoleh kembali. Ini kerana sebarang kerugian akan ditanggung oleh pembekal modal iaitu bank.
- iii. Bank tidak boleh mencampuri urusan pengendalian projek atau perniagaan yang dilakukan oleh *mudārib*. Persoalan ini dari segi hukumnya, ia hanya suatu ijтиhad para sarjana undang-undang Islam, antaranya al-Imam Malik dan al-Kasani, tidak ada nas yang menetapkan sedemikian. Tetapi Ibn Qudāmah daripada mazhab Hanbali membenarkan campur tangan pemilik modal.¹⁴⁴ Jika ijтиhad Ibn Qudamah diterima, tidak juga menjamin nasib yang baik akan menyebelahi bank kerana kos untuk mencampuri pengurusan projek *muarabah* dengan melibatkan kakitangan bank akan menjadi suatu bebanan yang akan terpaksa ditanggung oleh bank.¹⁴⁵
- iv. Bank tiada hak untuk membuat penyeliaan ke atas projek-projek yang dilaksanakan.Undang-undang tidak membenarkan bank perdagangan

¹⁴⁴ Ibn Qudamah (1981), *op.cit*, j.5, h.29.

¹⁴⁵ Timor Koran (1996), "Sistem Ekonomi Dalam Pemikiran Islam Kontemporari", dalam Jomo K.S., *Alternatif Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 29.

menyediakan pakar-pakar untuk tujuan sedemikian.¹⁴⁶ Jika undang-undang itu dipinda dan bank-bank perdagangan dibenarkan untuk menyediakan pakar-pakar mereka sendiri untuk mengawasi semua *mudārabah* yang dibiayai oleh bank, persoalan lain pula akan timbul iaitu bebanan yang akan ditanggung oleh bank dalam menyediakan kos penyeliaan. Perkara ini akan menjelaskan keuntungan yang akan diperolehi oleh bank, kerana kos penyeliaan ini adalah suatu pembiayaan yang tidak membawa pulangan secara lansung. Keuntungan hanya akan didapatkan daripada projek perniagaan atau perusahaan yang dijarkan oleh *mudārib*. Ini bererti dua jenis kos yang dikeluarkan oleh bank, di mana hanya satu daripadanya yang mungkin menghasilkan keuntungan. Faktor ini menjadikan pembiayaan perniagaan secara *mudārabah* tidak menarik dalam perniagaan bank.

v. Pemilik modal terutamanya bank memerlukan pulangan segera kepada pembiayaan yang mereka keluarkan untuk diagihkan kepada pendeposit-pendeposit. Ini sukar dilakukan dalam perniagaan secara *mudārabah* kecuali dalam aktiviti perniagaan atau pelaburan yang boleh diselesaikan dalam jangka masa yang singkat, atau dalam pelaburan yang boleh memperolehi keuntungan yang tetap dan berterusan. Biasanya aktiviti perniagaan jangka pendek dan boleh memperoleh keuntungan yang tetap ini didapati daripada kontrak perniagaan jenis yang lain sama ada *murabahah*, BBA, *bay' al-'Inah*,

¹⁴⁶ Akta No. 372 (1989), *op.cit.*

perniagaan mata wang, bil pertukaran dan sebagainya.¹⁴⁷ Pemberian pulangan segera kepada pendeposit ini penting kepada bank untuk bersaing dengan bank konvensional yang dapat menjamin pulangan dalam bentuk faedah secara tetap dan berterusan, sekalipun kadar faedah itu turun naik berasaskan kepada perkembangan ekonomi dari semasa ke semasa.

Dalam amalan yang berlaku sekarang, Bank Islam dan bank-bank SPI lebih bersedia menerima wang daripada pendeposit untuk diperniagakan oleh bank dan bank berkongsi keuntungan dengan mereka. Sebaliknya bank-bank berkenaan kurang bersedia untuk menyerahkan wang dalam tangan mereka untuk diperniagakan oleh *muḍārib* dengan cara berkongsi untung. Ini kerana jenis perniagaan yang diceburi oleh bank-bank berkenaan adalah jenis perniagaan yang dianggap paling selamat, baik dalam bentuk perniagaan jangka pendek maupun jangka panjang. Perniagaan itu mudah diurus dan kurang risiko. Sebagai contoh Bank Islam dan semua bank-bank SPI dan juga Bank Rakyat termasuk Syarikat Takaful memakai kaedah perniagaan BBA dan *murabahah* dan sebahagian daripadanya menjalankan perniagaan secara *bay' al-'inah* dan gadaian. Semua jenis perniagaan ini terjamin dari segi pulangannya disamping ada jaminan dari segi keselamatan modal yang dikeluarkan. Dalam jualan rumah, tanah dan sebagainya dibuat dengan menggunakan kontrak BBA. Aset yang dijual oleh bank itu adalah menjadi cagaran kepada keselamatan modal bank, di mana jika

¹⁴⁷ Bank Islam Malaysia Berhad lebih menumpukan perhatian kepada *bay' bithaman ajil* (BBA). Lihat Sudin Harun (1996), *op. cit.*, h. 122.

pembeli tidak mampu membayarnya, bank akan bertindak membatalkan jual beli itu dan menjualnya (melelong) kepada pihak lain.¹⁴⁸ Dengan demikian wang yang dikeluarkan oleh bank tetap selamat, sekalipun pelanggan berkenaan tidak mampu menjelaskan belian aset berkenaan.

¹⁴⁸ Aset yang dijual oleh bank secara BBA kepada pelanggannya, biasanya adalah harta yang telah didaftarkan atas nama pembeli, seperti nama dalam geran tanah misalnya. Pihak yang ingin mendapatkan pembiayaan bank dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Pentadbir Tanah untuk mencagarkan tanah berkenaan kepada bank yang membiayai pembelian itu. Cagaran ini dibuat dengan mengisi Borang 16 A (Gadaian) di bawah Seksyen 242 Kanun Tanah Negara. Peruntukan ini digunakan oleh bank untuk menjamin pembayaran wang pokok. Ini menunjukkan bahawa bank amat berhati-hati dalam melepaskan wang dari tangan mereka kepada pelanggan dalam pembiayaan kewangan yang diminta oleh pelanggan. Jika pembeli gagal membayar ansuran dalam emphoh tertentu, bank, melalui Pentadbir Tanah boleh bertindak menjual (melelong) harta berkenaan untuk mendapatkan kembali wang mereka. Sumber: Fakta ini diambil daripada Surat Perjanjian Pembiayaan BBA oleh BIMB dan surat kelulusan pembiayaan secara BBA oleh BIMB.